

"DAN tiadalah kejahatan yang diusahakan oleh setiap orang melainkan (dosanya itu) akan kembali kepada dirinya sendiri".
Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam terjemahan makna ayat Surah al-An'am, ayat 164.

BERKENAN HANTAR TITAH PERUTUSAN TAHNIAH



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 11 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Min Aung Hlaing berikutan dengan pelantikannya sebagai Presiden Republik Kesatuan Myanmar baru-baru ini.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Min Aung Hlaing.



Berita Utama



PASTIKAN 'klik' bermakna, mendekati kita kepada Allah

Muka 6

Kukuhkan keyakinan, keterbukaan dalam perbincangan

BERAKAS, Sabtu, 11 April. - Peralihan ke arah amalan lestari dan tenaga yang lebih mampan merupakan satu keutamaan negara yang penting.

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman bersabda, ia adalah

komitmen untuk memastikan kemajuan kita sentiasa selari dengan warisan kita.

Bersabda pada Persidangan Isu-isu Global Borneo Sekolah Antarabangsa Brunei (ISB BGIC) Ke-21, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

seterusnya bersabda melalui perbincangan mengenai objektif ini, para delegasi sedang meneroka bagaimana kita dapat memastikan penyelesaian tenaga mampan untuk semua, dalam masa yang sama kekal setia kepada peranan kita sebagai penjaga alam sekitar.

>> Muka 3

Mewujudkan suasana kemesraan sesama warga, mantan Jabatan Penerangan

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 12 April. - Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman menekankan bahawa mantan dan warga Jabatan Penerangan merupakan satu keluarga yang sentiasa dihidupkan oleh para penggiat yang proaktif dan usaha untuk

menghidupkan kenangan sebagai satu pasukan.

Berucap pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Mantan Penerangan dan Warga Jabatan Penerangan hari ini, Yang Berhormat juga mengimbas dalam era 1979 dan juga 1984 serta 1985 merupakan era yang sangat mencabar bagi Jabatan Penerangan.

Jelas Yang Berhormat lagi,

cabaran-cabaran berkenaan ditangani dengan bijak serta dengan adanya rakan-rakan pada ketika itu *mencetus* untuk terus bersemangat dalam bekerja dan meneruskan perkhidmatan.

Meskipun berlain latar belakang pada ketika itu, Yang Berhormat menzahirkan penghargaan terima kasih kepada warga Jabatan Penerangan berikutan perbezaan berkenaan dan dengan pembelajaran daripada semua lapisan jawatan mampu memberikan manfaat demi untuk menerajui ke hadapan bersama-sama.

>> Muka 5

Meraikan semangat kemasyarakatan, nilai persahabatan

Oleh : Haniza Abdul Latif

JERUDONG, Ahad, 12 April. - Majlis Ramah Mesra Sempena Jubli Emas Pusat Tingkatan Enam (PTE) 1975 Jalan Muara telah berlangsung penuh meriah dan kegemilangan di salah sebuah hotel di sini hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh.

Juga hadir ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Awang Haji Mohd. Yussof, yang juga merupakan Alumni

Penuntut PTE, selaku Penaung Bersama Jawatankuasa Ad-Hoc PTE Jalan Muara 1975-1978; dan Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, yang juga merupakan Alumni Tenaga Pengajar PTE.

>> Muka 7



SEMAI minat membaca, meningkatkan tahap literasi

Muka 12



MENGUKUHKAN perpaduan dalam kalangan masyarakat

Muka 19



PATUHI keselamatan semasa berbasikal

Muka 21

Manfaatkan AI secara bertanggungjawab demi kemajuan negara

Bismillahir Rahmanir Rahim
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,
Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa
Umuuriddunya Wadden,
Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala
Asyarafil Anbiya Mursaleen,
Sayyidina Muhammaddin, Wa'ala
Aalihee Wasahbihee Ajma'een.
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh

DENGAN penuh hormat dan takzim serta dengan merafakkan rasa syukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala, hamba Kebawah Duli Tuan Patik mewakili Ahli-ahli Jemaah Tadbir, Lembaga Pengarah serta seluruh warga Yayasan Kebawah Duli Tuan Patik, menyembahkan sembah menjunjung kasih setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Tuan Patik di atas limpah kurnia perkenan Kebawah Duli Tuan Patik bercemar duli berangkat ke Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran Yayasan Kebawah Duli Tuan Patik untuk kali Ke-22 pada pagi Sabtu, 15 Syawal 1447 bersamaan dengan 4 April 2026 yang ceria ini dan seterusnya berkenan mengurniakan titah menyaksikan persembahan dan pameran.

Sesungguhnya keberangkatan Kebawah Duli Tuan Patik ke majlis ini berserta kerabat-kerabat diraja Kebawah Duli Tuan Patik adalah merupakan suatu kurnia yang sangat bermakna dan istimewa untuk abis hamba-hamba Kebawah Duli Tuan Patik di Yayasan Kebawah Duli Tuan Patik khususnya dan juga hadirin dan hadirat jemaah majlis amnya kerana dapat bersama-sama meraikan hari kemenangan umat Islam, Hari Raya Aidilfitri dalam suasana kesyukuran dan keceriaan.

Sesungguhnya limpah kurnia perkenan Kebawah Duli Tuan Patik ini juga menambah keberkatan majlis yang sekali gus memberikan semangat dan dorongan kepada abis hamba-hamba Kebawah Duli Tuan Patik melalui Yayasan Kebawah Duli Tuan Patik untuk terus mengukuhkan majlis yang berkeadilan serupa ini pada setiap tahun dan juga merupakan suatu penghormatan yang amat disanjung tinggi dan memberikan peluang keemasan kepada para peserta khususnya dan para jemputan lainnya amnya serta abis hamba-hamba Kebawah Duli Tuan Patik selaku penganjur untuk bersua muka, beramah mesra serta menjunjung ziarah Kehadapan Majlis Kebawah Duli Tuan Patik dalam suasana keriangannya Syawal.

Amat bermakna dan istimewa serta sangat dinanti-nantikan adalah kurnia titah Kebawah Duli Tuan Patik yang penuh hikmah, nasihat dan panduan untuk diamati, dihayati dan seterusnya ditandai sebagai sumber inspirasi dan pemangkin semangat kepada abis hamba-hamba Kebawah Duli Tuan Patik, para peserta serta hadirin dan hadirat yang lainnya dalam melaksanakan peranan masing-masing.

Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Tuan Patik, tema Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri tahun ini adalah 'Inovasi AI : Pemangkin Pembangunan Masyarakat'. Tema ini mencerminkan peranan kecerdasan buatan (AI) sebagai pemacu utama dalam memperkukuh pembangunan sosial, ekonomi dan kesejahteraan masyarakat. Tema ini juga mendukung inisiatif dan usaha Kerajaan Kebawah Duli Tuan Patik dalam memperkukuh pendekatan strategik Whole of Nation, iaitu melalui penglibatan aktif semua

pihak berkepentingan dalam mengadaptasi inovasi serta teknologi digital dalam menyokong hasrat murni Kebawah Duli Tuan Patik dan negara ke arah merealisasikan Negara Brunei Darussalam (NBD) sebagai sebuah Smart Nation, sejajar dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035.

Bersesuaian dengan tema sambutan, disembanakan Yayasan Kebawah Duli Tuan Patik telah mendapat kerjasama padu daripada Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dan Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi (Authority for Info-Communications Technology Industry, AITI) sebagai penggerak dasar dan strategi AI di negara ini untuk bersama-sama menyelaraskan penganjuran Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran Yayasan Kebawah Duli Tuan Patik tahun ini.

Dalam mendukung tema tersebut, Yayasan Kebawah Duli Tuan Patik kali ini mengetengahkan beberapa kumpulan peserta dari dalam dan luar negara yang memainkan peranan penting dalam menyemarakkan budaya inovasi, memperluas pengetahuan mengenai AI serta menggalakkan penglibatan aktif masyarakat dalam memanfaatkan perkembangan digital secara positif dan berkesan.

Penyertaan ini melibatkan para pegawai daripada agensi kerajaan dan sektor swasta, para pengusaha dari dalam dan luar negara yang mengusahakan bidang teknologi AI, sektor perbankan, para pendidik dan pelajar, golongan belia serta ketua-ketua komuniti akar umbi, yang masing-masing menyumbang idea, kreativiti dan komitmen ke arah membentuk masyarakat yang celik teknologi, berdaya saing dan bersedia mendepani cabaran masa hadapan.

Setiap kumpulan peserta tersebut memainkan peranan yang penting dalam pembangunan dan penggunaan AI dalam















MENTERI di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yusof semasa menyampaikan sembah alu-aluan pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah 1447 Hijrah / 2026 Masihi pada Sabtu, 4 April 2026 yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

masyarakat. Sektor kerajaan berperanan sebagai pembuat dasar dalam memastikan pengurusan AI dilaksanakan secara terkawal, teratur dan selaras dengan kepentingan awam. Sektor swasta dan para pengusaha dalam bidang teknologi AI pula merupakan pemudah cara utama dalam menyokong perkembangan serta mempercepatkan pengadaptasian AI melalui penerokaan peluang baharu, pembangunan penyelesaian inovatif dan penggunaan teknologi dalam pelbagai bidang.

>> Muka 8

WAKTU SEMBAHYANG										
APRIL MASIHI	HARI	SYAWAL HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
13	ISNIN	24	4.46	4.56	6.14	6.37	12.22	3.30	6.27	7.37
14	SELASA	25	4.46	4.56	6.14	6.37	12.22	3.30	6.27	7.37
15	RABU	26	4.45	4.55	6.14	6.36	12.21	3.30	6.27	7.37
16	KHAMIS	27	4.45	4.55	6.13	6.36	12.21	3.31	6.27	7.37
17	JUMAAT	28	4.44	4.54	6.13	6.36	12.21	3.31	6.27	7.37
18	SABTU	29	4.44	4.54	6.13	6.35	12.21	3.31	6.27	7.37
19	AHAD	1	4.43	4.53	6.12	6.35	12.21	3.32	6.27	7.37

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI					
ISNIN		SELASA		RABU	
Bandar Seri Begawan					
32 24 °C		33 25 °C		33 25 °C	
Pekan Bangar					
32 24 °C		33 25 °C		33 25 °C	
Pekan Tutong					
32 24 °C		33 25 °C		33 25 °C	
Kuala Belait					
32 24 °C		33 25 °C		33 25 °C	

Wallahualam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG 13 APRIL 2026

AI perkasa potensi manusia dengan teknologi

SEIRING dengan zaman, perkembangan teknologi dunia pada ketika ini sangat dinamik dan sentiasa timbul sesuatu yang baharu dan moden. Kemodenan teknologi ini memacu prestasi inovasi manusia dalam setiap bidang. Dengan kepesatan pembangunan teknologi, Kecerdasan buatan (AI) merupakan salah satu kemajuan teknologi paling signifikan dalam beberapa dekad terakhir.

AI bukan lagi sekadar teknologi tambahan, melainkan telah menjadi 'tulang belakang' atau sistem saraf utama bagi hampir semua inovasi digital masa kini dan menjadi nadi yang menggerakkan sistem ekonomi, pendidikan, dan kehidupan seharian kita.

Kepentingan inovasi AI ini sangat ditekankan dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah yang berlangsung pada Sabtu, 4 April 2026.

Antara inti pati titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, AI yang kini tampil sebagai gelombang baharu yang sedang membentuk wajah dunia, perlu dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya, secara inklusif, beretika dan demi kepentingan pembangunan masyarakat.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kemudian menekankan, tidak dinafikan, potensi inovasi AI amatlah luas dalam memacu kemajuan dan daya saing dan perkara ini hendaklah ditangani dengan penuh bertanggungjawab, supaya semua manfaatnya dapat diraih tanpa mengabaikan tuntutan etika, tadbir urus yang baik, keadilan sosial dan rohani generasi akan datang.

Baginda berpandangan, tumpuan utama hendaklah diberikan kepada bidang-bidang yang memberi impak langsung kepada kehidupan rakyat seperti memperkukuh perkhidmatan awam, meningkatkan mutu pendidikan, menambahkan kecekapan sistem kesihatan, memajukan Perusahaan, Mikro, Kecil dan Sederhana serta melahirkan tenaga kerja yang mahir.

Oleh yang demikian, memanfaatkan kemajuan teknologi AI dengan sebaik mungkin dan terus beradaptasi dengan kemajuan teknologi dunia agar tidak ketinggalan. AI bukan tentang menggantikan manusia, tetapi tentang memperkasakan potensi manusia melalui teknologi. - **Ketua Penyuntingan (Kr)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتري دان دجیتق اوله قرینت فلس سنديرين برحد، نکارابروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

KUKUHKAN KEYAKINAN, KETERBUKAAN DALAM PERBAHASAN

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

>> Muka 1

"Rasa tanggungjawab ini melangkaui sempadan negara. Cabaran tenaga dan alam sekitar tidak mengenal batasan kerana kita semua hidup dalam satu dunia yang dikongsi bersama, di mana setiap keputusan yang dibuat pada satu tempat memberi kesan kepada semua," sabda Yang Teramat Mulia pada persidangan yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas di sini.

Sabda YTM lagi, ini adalah isu sejagat yang memerlukan kita bekerjasama dengan penuh kesabaran dan semangat persefahaman yang tulus.

Sepanjang perbahasan yang akan berlangsung, YTM menggalakkan semua peserta untuk menyuarakan pandangan dengan penuh keyakinan, dalam masa yang sama kekal terbuka menerima perspektif orang lain.

YTM bersabda, kepimpinan sejati bukanlah terletak pada berdiri sendiri tetapi pada keupayaan untuk mendengar dan melangkah maju bersama. Inilah sifat-sifat yang akan mempersiapkan kita semua dalam memikul tanggungjawab pada masa hadapan.

Terdahulu, dalam sabda YTM,

suasana perhimpunan para delegasi pelajar merupakan sesuatu yang sentiasa YTM nantikan setiap BGIC.

Sepanjang dua dekad yang lalu, YTM bersabda telah menyaksikan satu projek pendidikan yang bercita-cita tinggi berkembang menjadi satu tradisi yang berkekalan.

"Dalam sesetengah budaya, usia 21 tahun melambangkan kedewasaan dan sesi ini mencerminkan satu visi yang telah mencapai kematangan sepenuhnya," sabda YTM.

YTM bersabda, kehadiran wakil daripada lebih 20 buah sekolah, sama ada dari dalam mahupun luar negara, menunjukkan keluasan legasi kepimpinan yang sedang diwariskan pada hari ini.

"Hakikat bahawa platform ini kekal diterajui oleh pelajar merupakan bukti kematangan yang kita raikan," sabda YTM.

YTM seterusnya bersabda, para delegasi melambangkan semangat generasi baharu, mempunyai hala tuju serta sedia untuk berinteraksi dengan dunia dengan penuh kebijaksanaan dan kefahaman.

Fokus persidangan pada tahun ini, sabda YTM lagi, Sustainable Development Goal Number 7 - 'Affordable and Clean Energy' adalah teras kepada masa depan kita.

Di Negara Brunei Darussalam, sabda YTM, identiti kita amat berkait rapat dengan warisan semula jadi kita dan kita berbangga dengan alam sekitar yang telah diamanahkan kepada kita untuk dipelihara, agar ia terus terpelihara untuk generasi akan datang.

"Dalam budaya dan kepercayaan kita, kita sentiasa memahami bahawa warisan ini adalah satu 'amanah'.

"Ini bermakna ia adalah satu tanggungjawab suci. Sumber-sumber kita bukan sekadar untuk digunakan sesuka hati tetapi di bawah jagaan kita demi generasi yang akan datang," sabda YTM.

Aspirasi negara kita seperti yang digariskan dalam Wawasan Brunei 2035 serta kerangka Ekonomi Hijau kita, sabda YTM lagi, dibina atas rasa tanggungjawab ini.

Bagi mengakhiri sabda, YTM merakamkan penghargaan kepada Kementerian Pendidikan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta Jabatan Tenaga di Jabatan Perdana Menteri atas sokongan berterusan mereka terhadap pemimpin muda kita dan penghargaan juga ditujukan kepada Suruhanjaya Tinggi Australia dan Suruhanjaya Tinggi British di Negara Brunei Darussalam atas sokongan berharga terhadap tema tahun ini.

Kepada rakan industri dan para penaja, sabda YTM, sumbangan



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan bersabda pada Persidangan Isu-isu Global Borneo Sekolah Antarabangsa Brunei (ISB BGIC) Ke-21.

mereka merupakan pelaburan penting terhadap potensi golongan muda kita dan ucapan terima kasih atas komitmen mereka terhadap persidangan ini saban tahun.

Kepada para delegasi pelajar, sabda YTM lagi, manfaatkanlah beberapa hari ini untuk saling belajar antara satu sama lain dan mengambil iktibar daripada pengajaran dunia sebenar berkaitan keselamatan tenaga global serta memastikan perbincangan dipandu oleh rasional serta keprihatinan yang tulus terhadap komuniti global kita.

Berkenan merasmikan ISB BGIC Ke-21



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan bergambar ramai pada perasmian Persidangan Isu-isu Global Borneo Sekolah Antarabangsa Brunei (ISB BGIC) Ke-21 dan seterusnya berkenan mengurniakan sijil (atas dan kiri).

BERAKAS, Sabtu, 11 April. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman pagi tadi berangkat merasmikan Persidangan Isu-isu Global Borneo Sekolah Antarabangsa Brunei (ISB BGIC) Ke-21.

Keberangkatan tiba Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas dijunjung oleh Pengetua Eksekutif ISB, Dominic Morley.

Sejurus ketibaan, Yang Teramat Mulia berkenan menandatangani sijil bagi perasmian ISB BGIC Ke-21, sebelum berangkat ke Dewan Persidangan Utama bagi permulaan majlis.

Majlis dimulakan dengan

sembah alu-aluan yang disembahkan oleh Dominic Morley yang antara lain menyebarkan, di ISB, mereka percaya, melabur dalam modal insan dan pendidikan berkualiti mampu melahirkan warganegara global yang bertanggungjawab serta memupuk kerjasama dan keharmonian antarabangsa.

"Selain itu, di ISB, tumpuan kami sentiasa kepada para pelajar - mereka merupakan pusat kepada setiap keputusan yang kami buat dan segala yang kami lakukan.

Oleh itu, kami menganjurkan ISB BGIC secara besar-besaran sejak penubuhannya lebih dua dekad yang lalu, dengan matlamat utama untuk memberi manfaat kepada golongan belia, masyarakat dan komuniti kami," sembahnya.

Beliau turut menyebarkan tema persidangan pada tahun ini iaitu Sustainable Development Goal (SDG) 7: 'Affordable and Clean Energy - How can international cooperation help secure SDG 7 more effectively?', menekankan kepentingan perkongsian global bagi memastikan akses kepada tenaga yang mampu milik, mampan, bersih dan boleh dipercayai, yang menjadi pemacu kehidupan moden, pertumbuhan ekonomi dan pembangunan global.

>> Muka 4

YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah berkenan menandatangani sijil bagi perasmian ISB BGIC Ke-21.



>> Muka 3

Sembahnya lagi, penggunaan tenaga menyumbang secara signifikan kepada perubahan iklim, dan kekurangan tenaga bersih memberi kesan buruk kepada negara dan komuniti di seluruh dunia, sekali gus mewujudkan keperluan mendesak untuk kerjasama antarabangsa dalam menggalakkan penggunaan tenaga solar, tenaga angin dan teknologi cekap tenaga bagi berjuta-juta isi rumah dan komuniti.

Acara kemudian diisikan dengan dua ucapan pelajar daripada lima Setiausaha Agung ISB BGIC, iaitu Aaryan Hadzrin dan Amal Fadillah.

ISB BGIC tahun ini turut diisikan dengan pembentangan ucpatama mengenai tema persidangan yang disampaikan oleh penceramah jemputan iaitu Pemangku Pesuruhjaya Tinggi British ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Ken O'Flaherty dan Tim Jarvis AM, seorang saintis alam sekitar British - Australia, penjelajah, penulis dan pencipta dokumentari yang terkenal dengan usaha menjejaki semula ekspedisi bersejarah Antartika.

Sejurus selepas ucpatama, YTM berkenan mengurniakan sabda dan seterusnya merasmikan persidangan tersebut.

YTM kemudian berkenan mengurniakan sijil penyertaan kepada para wakil daripada 23 buah sekolah yang menyertai persidangan ini, termasuk 22 buah sekolah dari NBD dan sebuah sekolah dari luar negara disusuli dengan pengurniaan cenderamata kepada para penaja dan penyokong ISB BGIC.

Pada acara berkenaan, YTM berkenan menerima pesambah yang disembahkan oleh Pengetua Eksekutif ISB sebagai tanda penghargaan ISB.

Juga hadir, Menteri



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri berkenan bergambar ramai pada perasmian Persidangan Isu-isu Global Borneo Sekolah Antarabangsa Brunei (ISB BGIC) Ke-21 yang diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad dan Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md Salleh.

Turut hadir, Ahli-ahli Lembaga Pengarah ISB iaitu Pengerusi Lembaga, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Ahmad bin Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Awang Haji Isa; Timbalan Pengerusi, Nicholas King; Haji Rashid Abdul Razak; Sharon Tan; Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari; Wong Chin Toon serta Pengurus Besar ISB, Vienna Law.

Majlis ini juga menyaksikan kehadiran kenamaan asing, pegawai sekolah serta wakil pelajar.

ISB BGIC Ke-21 dianjurkan oleh ISB dengan kerjasama KKBS serta Kementerian Pendidikan dan disokong oleh Jabatan Tenaga di Jabatan

Perdana Menteri, Suruhanjaya Tinggi Australia di NBD dan Suruhanjaya Tinggi British di NBD.

Persidangan ini ditaja oleh penaja Golden Tree iaitu Unified National Networks Sdn. Bhd. (UNN); Silver Leaf iaitu Brunei Shell Petroleum Company Sdn. Bhd., Hengyi Industries Sdn. Bhd., Imagine Sdn. Bhd., Hibiscus Petroleum Sdn. Bhd., dan BYD | Denza, Maju Motors Sdn. Bhd.; sementara bahagian Bronze Earth iaitu Dynamik Technologies Sdn. Bhd., Brunei Fertilizer Industries Sdn. Bhd., Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) dan Brunei Methanol Company Sdn. Bhd. (BMC); penaja dalam bentuk sumbangan iaitu Aewon Garment & Embroidery, Air Cat Logistics Sdn. Bhd., TLT Enterprise, D'Sunlit Sdn. Bhd., Interhouse Company dan Brunei Press Sdn. Bhd.

ISB BGIC merupakan persidangan tahunan yang dikendalikan oleh pelajar berkonsepkan Model Pertubuhan Bangsa-Bangsa

Bersatu di mana para peserta mewakili negara untuk membincangkan pelbagai pandangan mengenai isu-isu semasa dunia sebenar.

Inisiatif ini bertujuan untuk membangunkan pemahaman pelajar tentang kewarganegaraan global serta

kemahiran penting dalam penyelidikan, pengucapan awam dan rundingan.

ISB BGIC Ke-21 akan berlangsung di ICC Berakas bermula hari ini hingga 13 April 2026 dengan sesi ucpatama, perbincangan jawatankuasa dan perhimpunan agung.



SEBAHAGIAN yang hadir pada perasmian persidangan tersebut.

Berangkat ke Upacara Perbarisan Sovereign's Parade Kursus Pentauliahian 252

Foto : Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam



UNITED KINGDOM, Sabtu, 11 April. - Paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak

Puteri Hajah Rashidah Sa'adatol Bolkiah berkenan berangkat ke Upacara Perbarisan Sovereign's Parade Kursus Pentauliahian 252 yang telah diadakan di Akademi Pertahanan Diraja Sandhurst (RMAS), United Kingdom pada 10 April 2026 bagi meraikan pentauliahian anakanda Yang Teramat Mulia, Yang Amat Mulia

YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatol Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan berangkat ke Upacara Perbarisan Sovereign's Parade Kursus Pentauliahian 252 bagi anakanda Yang Teramat Mulia, Yang Amat Mulia Pengiran Anak 'Abdul Raqiib bin Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim (kanan dan kiri).

Pengiran Anak 'Abdul Raqiib bin Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim.

Yang Amat Mulia Pengiran Anak 'Abdul Raqiib mula menjalani latihan ketenteraan di RMAS pada Mei 2025 dan seterusnya berjaya dinaikkan pangkat sebagai Leftenan mulai 10 April 2026 sejurus menamatkan latihan ketenteraan di institusi terkemuka dunia berkenaan.

Yang Amat Mulia adalah merupakan cucunda pertama Kebawah Duli Yang Maha Mulia



Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah berjaya menamatkan kursus di RMAS, United Kingdom.

Upacara Perbarisan Sovereign's Parade Kursus Pentauliahian 252 tersebut telah disempurnakan oleh Vice Chief of the Defence Staff,

United Kingdom, General Dame Sharon Nesmith DCB ADC.

Turut berangkat pada Majlis Pentauliahian tersebut ialah Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim bin Pengiran Indera Mahkota Pengiran Anak (Dr.) Kemaludin Al-Haj serta kerabat diraja.

MEWUJUDKAN SUASANA KEMESRAAN SESAMA WARGA, MANTAN JABATAN PENERANGAN

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama bersama isteri semasa hadir pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Mantan Penerangan dan Warga Jabatan Penerangan (kiri dan atas).

>> Muka 1

Yang Berhormat seterusnya mengongsikan, beberapa pendekatan yang dipraktikkannya sejak mula berkhidmat pada 1979 di Jabatan Penerangan adalah dari sudut keagamaan, iaitu perpaduan masyarakat dan ketaatan kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan Rasul serta kepada pemimpin.

Meskipun sudah pencecahan dan mantan dari Perkhidmatan Awam, Yang Berhormat selanjutnya menekankan bahawa mereka masih hidup dalam suasana Brunei yang menghendaki keperluan bagi menjamin keselamatan dan keamanan yang berterusan bagi ke arah pembangunan yang mampan, kesejahteraan rakyat di bawah

kepemimpinan dan pemerintahan beraja lagi berdaulat menaungi nusa dan memimpin bangsa.

Majlis anjuran Jawatankuasa Sementara Mantan Penerangan berkenaan dilangsungkan dalam suasana penuh harmoni di salah sebuah hotel di ibu negara dan diserikan dengan kehadiran Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama yang merupakan mantan Pengarah Penerangan dan isteri, Datin Hajah Nahriah binti Awang Haji Asbi.

Terdahulu, Pengetua Pusat Sejarah Brunei (PSB), Dr. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong, selaku Pengerusi Majlis, dalam ucapan alu-aluannya menggariskan bahawa Jawatankuasa Sementara Mantan Penerangan (sebelum ini dikenali

Jawatankuasa Ad-Hoc Mantan Penerangan) ditubuhkan pada 2018, dengan keramaian 32 ahli bergerak secara sukarela.

Sejak hampir 10 tahun katanya, jawatankuasa berkenaan yang sering *bebasah bekaring* mengungkapkan beberapa kegiatan yang berorientasikan keagamaan, kebajikan dan sosial dengan hasrat yang murni bagi mendapatkan keredahan Allah Subhanahu Wata'ala.

Di samping itu tambahnya, kita juga dapat memperkukuh dan mempererat tali persahabatan silaturahmi dalam kalangan mantan penerangan dan warga kerja Jabatan Penerangan sebagaimana juga acara sambutan yang berbunyi "Titian Kasih

Persahabatan'.

Lebih 80 orang merangkumi para mantan penerangan dan warga Jabatan Penerangan serta keluarga telah menghadiri majlis indah permai berkenaan serta berpeluang bersalaman dan menghulurkan tangan sebagai simbol memperkukuh dan mempererat tali persahabatan silaturahmi yang lebih akrab.

Sementara itu Setiausaha jawatankuasa penganjur, Awang Haji Ja'afar bin Haji Ibrahim menjelaskan, Majlis Muhibah Silaturahmi berkenaan adalah merupakan kali kelima ia diungkuhkan dengan tema 'Titian Kasih Persahabatan'.

Jelasnya lagi, majlis berkenaan merupakan platform dan jambatan

serta titian bagi menjalin simpulan persahabatan, memperkukuh dan mempererat silaturahmi antara kerabat mantan penerangan dan warga Jabatan Penerangan ke arah mewujudkan budaya semangat setia kawan.

"Majlis berkenaan secara tidak langsung telah menjadi landasan ke arah membina satu semangat setia kawan yang erat lagi akrab. Melalui pertemuan tidak rasmi seperti berkenaan juga telah mewujudkan suasana kemesraan dan memupuk semangat kerjasama serta sebagai ruang bagi para mantan penerangan dan warga Jabatan Penerangan serta keluarga masing-masing saling bermaaf-maafan dengan penuh ikhlas," ujarnya lagi.

Ramah mesra Aidilfitri KHEU semaikan semangat ukhuwah



Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohammad Hasif Matzin

RIMBA, Ahad, 12 April. - Dalam memperkukuh perpaduan dan mengeratkan hubungan ukhuwah serta silaturahmi sempena bulan Syawal, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) pagi tadi mengadakan Majlis Ramah Mesra Hari Raya Aidilfitri Warga Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi bertempat di Dewan Sekolah Arab Sultan Haji Hassanah Bolkiah, Kampung Rimba.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri

Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman, serta isteri.

Turut hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, dan isteri; Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim, dan isteri; Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan) KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar, dan isteri; dan Pemangku



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama bersama isteri hadir selaku tetamu kehormat Majlis Ramah Mesra Hari Raya Aidilfitri Warga Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi bertempat di Dewan Sekolah Arab Sultan Haji Hassanah Bolkiah, Kampung Rimba (atas kiri dan atas).

Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), KHEU, Awang Misle bin Haji Abdul Karim, dan isteri.

Majlis turut dihadiri oleh ketua-ketua jabatan, para pegawai kanan dan kakitangan di bawah KHEU serta golongan muafaf, para belia dan beliawanis muafaf, belia dan beliawanis masjid dan muslimah masjid.

Acara dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar, diikuti dengan bacaan Surah Al-Fatihah serta Doa Selamat.

Majlis turut diserikan dengan persembahan istimewa daripada Belia-belia Masjid Senegara.

Pada majlis tersebut, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama serta isteri; Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama dan isteri; Setiausaha Tetap; Timbalan Setiausaha Tetap KHEU serta jemputan-jemputan khas dan para pegawai kanan berpeluang berdundun dan beramah mesra bersama warga KHEU dengan berkunjung ke setiap reruai (*booth*) dan menikmati juadah

yang disediakan.

Acara kemuncak majlis ialah pengumuman dan penyampaian hadiah bagi kategori serambi tercantik.

Seiring dengan usaha menyemarakkan sambutan hari-hari kebesaran Islam di negara ini, khususnya di peringkat kementerian, acara ini turut berperanan sebagai wadah kegiatan sosial dan kebajikan bagi warga KHEU dalam memupuk nilai-nilai murni serta mengukuhkan institusi kekeluargaan.

PASTIKAN 'KLIK' BERMAKNA, MENDEKATKAN KITA KEPADA ALLAH

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 12 April. - Dalam dunia hari ini, kehidupan kita tidak terpisah daripada teknologi. Setiap hari kita berinteraksi dengan pelbagai bentuk 'klik' sama ada di telefon pintar, media sosial atau ketika berkongsi maklumat.

Namun, setiap 'klik' yang kita lakukan membawa nilai yang tersendiri, ada 'klik' yang membawa manfaat dan pahala seperti berkongsi ayat-ayat Al-Quran, nasihat agama, ilmu serta menghubungkan silaturahmi.

Ada juga 'klik' yang membawa dosa seperti membuka aib orang, menonton perkara haram, menghina atau mengejek orang lain. Dan tidak kurang juga 'klik' yang mengundang fitnah apabila kita menyebarkan maklumat yang belum pasti kesahihannya sehingga menimbulkan keresahan, kekeliruan dan keraguan dalam masyarakat.

Demikian antara inti pati tazkirah bertajuk 'Syawal Berkah, Klik Bermakna' yang disampaikan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid Tingkat Khas, Awang Haji Fansuri Sharimi @ Haji Mansur bin Mohamad Ali, selaku Ketua Bahagian Imarah, Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) bagi menyeronokkan Malam Munajat anjuran KHEU Kali Ke-224, baru-baru ini.

Jelasnya lagi, sebelum kita menekan butang 'klik', kongsi atau hantar, tanyalah diri kita : adakah ia benar, bermanfaat, dan mendekatkan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala, atau sebaliknya? Pastikan setiap 'klik' dilakukan dengan niat yang baik, melalui tapisan yang teliti dan dengan penuh tanggungjawab

agar kita tidak menjadi punca tersebabnya fitnah.

"Jadikan prinsip hidup kita, khususnya dalam bulan Syawal yang penuh keberkatan ini, bahawa setiap 'klik' hendaklah yang bermakna dan mendekatkan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala, bukan sesuatu yang menjauhkan kita daripada-Nya," ujarnya lagi.

Menyemarakkan acara Malam Munajat kali ini ialah ahli jawatankuasa (AJK) takmir, jemaah dan ahli Kumpulan Ashabul Haliim, Kelab Remaja Belia Masjid Pengiran Muda 'Abdul Malik, Kampung Tungku/Katok; dan para jemaah dari beberapa buah masjid seluruh negara serta warga kerja KHEU dan juga individu yang mengikuti program berkenaan dari kediaman masing-masing.

Atur cara Malam Munajat berkenaan dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Ketua Kampung Tungku dan Katok, Awang Ahmad Khairi bin Haji Hassan, selaku Penasihat AJK Takmir Masjid Pengiran Muda 'Abdul Malik, Kampung Tungku/Katok yang bersiaran dari masjid berkenaan.

Diikuti dengan bacaan Surah Al-Mulk beramai-ramai dipimpin oleh Imam Masjid Pengiran Muda 'Abdul Malik, Kampung Tungku dan Katok, JHEM, KHEU, Awang Zulfadli bin Haji Awang. Seterusnya, Doa Munajat dibacakan oleh Imam Masjid Pengiran Muda 'Abdul Malik, Kampung Tungku dan Katok, JHEM, KHEU, Awang Muhd. Hijrajul Nizam bin Alawi.

Sejurus selesai tazkirah, disusuli dengan bacaan Selawat Tafriyyah beramai-ramai yang dipimpin oleh Ketua Kumpulan



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa hadir pada Malam Munajat anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama Kali Ke-224.

Ashabul Haliim, Kelab Remaja Belia Masjid Pengiran Muda 'Abdul Malik, Kampung Tungku/Katok, Awang Mohamad Shahmie bin Mohammad Sani.

Kemudiannya, Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam (NBD) dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Morni bin Haji Nayan, selaku Pengerusi AJK Takmir Masjid Pengiran Muda 'Abdul Malik, Kampung

Tungku dan Katok, JHEM, KHEU.

Program Malam Munajat bertujuan mengajak masyarakat Islam mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala melalui amalan kerohanian, memohon keampunan, membaca dan menghayati ayat-ayat suci Al-Quran, serta merafakkan dan mengaminkan doa secara beramai-ramai dengan penuh pengharapan agar NBD berserta seluruh rakyat dan penduduknya

sentiasa terpelihara daripada sebarang musibah dan penyakit berjangkit.

Semoga segala amalan kerohanian dan doa munajat yang kita panjatkan serta aminkan diterima dan dimakbulkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Orang ramai dialu-alukan untuk ikut serta dalam acara Malam Munajat yang diadakan secara maya melalui pautan <http://tiny.cc/munajatkheu>.

Raikan keberkatan Syawal dalam suasana kemesraan



Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 11 April. - Walaupun bulan Syawal sudah memasuki minggu ketiga, kemegahannya masih dirasakan dan diraikan dengan penuh rasa muhibah dan kesyukuran.

Sehubungan itu, Kolej Universiti Perguruan Ugama

Seri Begawan (KUPU SB) tidak ketinggalan menyemarakkan Sambutan Hari Raya Aidilfitri dengan mengukayakan Ihya 'Eid Mubarak 1447 / 2026 pagi ini, di Dewan Tarbiah, Kolej Universiti berkenaan.

Majlis dimeriahkan dengan

kehadiran Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman.

Turut hadir, Ahli-ahli Majlis Ugama Islam Brunei, Ahli-ahli Majlis KUPU SB, Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi dan Duta-duta dari negara



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa hadir pada Sambutan Hari Raya Aidilfitri dengan mengukayakan Ihya 'Eid Mubarak 1447 / 2026 (atas). Manakala gambar kiri, antara yang hadir pada majlis tersebut.

sahabat, jemputan-jemputan khas dan warga KUPU SB.

Majlis juga diserikan dengan cabutan nama bertuah dan pengumuman pemenang Pertandingan Video Hari Raya Aidilfitri KUPU SB.

Adapun objektif majlis ini diadakan antara lain untuk menzahirkan rasa syukur atas

nikmat yang dikurniakan Allah Subhanahu Wata'ala dengan meraikan keberkatan Syawal dalam suasana penuh kemesraan dan kekeluargaan.

Di samping itu, ia juga bagi mengukuhkan semangat kekitaan dan silaturahmi sesama warga KUPU SB.

MERAIKAN SEMANGAT KEMASYARAKATAN, NILAI PERSAHABATAN



Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Azmah Haji Ahad

>> Muka 1

Hampir 200 orang terdiri daripada Alumni Pengetua-pengetua, Tenaga Pengajar PTE dan para Alumni Penuntut-penuntut PTE Jalan Muara 1975-1978 serta jemputan-jemputan yang diundang khas termasuk Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, Gadong; PTE Meragang, Sengkurong, Tutong serta Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan.

Majlis yang penuh keberkatan di bulan Syawal tersebut bermula dengan ucapan oleh Pengerusi Bersama Majlis, Awang Haji Yakob bin Haji Mohd. Yusof.

Selepas itu disusuli dengan

ucapan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan yang antara lain menyatakan, PTE Jalan Muara pada Tahun 1975 telah memperkukuh lagi perkembangan pendidikan di negara ini.

Tertubuhnya PTE Jalan Muara jelasnya, adalah hasil kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang sentiasa mengambil berat akan sistem pendidikan negara sejak dahulu lagi.

Maka dari situ katanya, tertubuhlah Pusat Pengajian Tertinggi di bumi Darussalam, yang dikenali sebagai Pusat Tingkatan Enam, Jalan Muara pada awal tahun 1975.

Pusat tersebut kemudian berpindah ke bangunan kekal

yang terletak di kawasan Mukim Gadong yang kini tersohor dengan nama Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, Gadong.

"Alhamdulillah peluang bagi anak-anak Brunei untuk terus melangkah jauh dalam menimba ilmu adalah semakin luas. Peluang ini juga telah memperkasa pembentukan jati diri yang berteraskan nilai, disiplin dan integriti iaitu asas yang penting dalam menempuh cabaran dan mencorak hala tuju perjalanan hidup. Pengalaman inilah yang telah membawa tuan dan puan ke pelbagai bidang sebagai pemimpin, penjawat awam, mahupun profesional dan seterusnya menyumbang kepada pembangunan negara," ujarnya lagi.

Dalam kapasiti masing-masing tekannya, setiap yang hadir pada

Yang Berhormat Menteri Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat majlis. Turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II yang juga merupakan Alumni Penuntut PTE, selaku Penaung Bersama Jawatankuasa Ad-Hoc PTE Jalan Muara 1975-1978.

hari ini telah menyumbang, sama ada secara langsung atau tidak langsung, kepada masyarakat dan ke arah pembangunan negara.

Hakikatnya, setiap kejayaan yang diraiikan hari ini tegasnya lagi, bukanlah tercipta secara kebetulan, sebaliknya ia dibina atas asas kukuh, pengajaran dan perjuangan orang-orang yang dahulu.

Tambah Yang Berhormat, perjuangan dan kejayaan generasi terdahulu secara kolektif ini telah mengukir legasi yang setentunya akan menjadi kenangan sepanjang zaman.

Majlis hari ini terangnya, bukan sekadar majlis pertemuan semula, tetapi ia merupakan satu simbol penghargaan dalam pengukuhan ukhuwah persaudaraan, dan ia juga melambangkan semangat kemasyarakatan, tradisi dan kegembiraan dalam meraikan nilai persahabatan, kesetiaan dan kenangan yang terbina sejak 50 tahun.

Menurutnya, insyaaAllah, perjumpaan serta perkongsian pengalaman baharu masing-masing pada hari ini akan terus menciptakan naratif baharu.

Pada majlis tersebut, Ahli-ahli Jawatankuasa Ad-Hoc Alumni Penuntut-penuntut PTE selaku

Penganjur Majlis juga memperdengarkan lagu Rasmi Pusat Tingkatan Enam.

Majlis yang diselenggarakan dengan Sambutan Hari Raya Aidilfitri itu dimeriahkan dengan Persembahan - persembahan Deklamasi Sajak dan Menambang Syair serta persembahan nyanyian daripada Alumni Penuntut-penuntut PTE Klasik.

Menurut Setiausaha Penganjur, Awang Haji Jaafar bin Haji Ibrahim, seperti juga ucapan Pengerusi Majlis, bahawa majlis tersebut adalah merupakan kesinambungan daripada Majlis khatam Al-Quran dan Doa Kesyukuran Sempena Sambutan Jubli Emas 50 Tahun Penubuhan PTE 1975, iaitu sebagai kemuncak acara yang telah dilaksanakan di Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampung Jerudong pada 4 Mei 2025.

Beliau menjelaskan, majlis tersebut adalah sebagai platform bagi mengumpulkan Alumni Penuntut-penuntut PTE dari Tahun 1975 hingga 1978, iaitu selepas 50 tahun yang lalu dengan hasrat murni bagi memperkukuh dan mengeratkan jalinan ikatan silaturahmi yang lebih akrab.

"Melalui majlis ini, yang juga disempenakan dengan Sambutan Hari Raya Aidilfitri, kami semua berpeluang bersua muka, berbulu mesra, berkongsi pengalaman hidup serta bertanya khabar masing-masing, di samping dapat menghulurkan tangan untuk bermaaf-maafan kerana kami selama ini hanya dapat berhubung melalui platform aplikasi WhatsApp menerusi 'Grup PTE Klasik Jalan Muara'," jelas beliau lagi.

MPM Mukim Mentiri anjur Sambutan Hari Raya Aidilfitri



Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, juga selaku Ketua Kampung Subok dan Pemangku Penghulu Mukim Kianggeh hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan (atas dan kanan).

Oleh : Hajah Siti Zuraiha Haji Awang Sulaiman
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

TANAH JAMBU, Sabtu, 11 April. – Kemeriahan Hari Raya Aidilfitri terus dirasai meskipun bulan Syawal kini memasuki minggu ketiga, dengan pelbagai pihak masih giat menganjurkan Rumah Terbuka serta Majlis Sambutan Hari Raya.

Sehubungan itu, Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPM) Mukim Mentiri tidak ketinggalan menganjurkan Sambutan Hari Raya Aidilfitri yang menghimpunkan Pemangku Majlis Perundingan Kampung dan Ketua-ketua Kampung bagi peringkat Mukim Mentiri, diadakan di Dewan Muafakat Peladang, Kampung Tanah Jambu.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, Ketua Kampung Subok dan Pemangku Penghulu Mukim Kianggeh.

Majlis didahului dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat dipimpin oleh Pemangku Ketua Kampung Sungai Buloh, Pengiran Halidi bin Pengiran Ibrahim.

Pemangku Penghulu Mukim Mentiri, Awang Faidil Rosemady bin Mohamad, juga Ketua Kampung Kawasan 4 Rancangan Perumahan Negara Panchor, dalam ucapannya pada majlis tersebut



penghargaan dan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam penganjuran Majlis Sambutan Hari Raya berkenaan.

Usaha, komitmen dan semangat kerjasama yang ditunjukkan oleh Ahli Jawatankuasa amatlah dihargai, tambahnya.


"Aidilfitri adalah saat untuk kita saling bermaaf-maafan, mengeratkan hubungan kekeluargaan dan memperkukuhkan ukhuwah dalam masyarakat. Semoga pertemuan pada hari ini menjadi titik tolak kepada hubungan yang lebih erat dan harmoni dalam kalangan warga Mukim Mentiri," ujarnya.

Penganjuran majlis ini bertujuan

untuk menceriakan suasana Aidilfitri di samping mengeratkan lagi hubungan silaturahmi dalam kalangan Pemangku Penghulu, Ketua Kampung, Pemangku Ketua Kampung serta ahli keluarga, khususnya di Mukim Mentiri.

Majlis turut diserikan dengan pelbagai aktiviti menarik, antaranya persembahan nyanyian dan cabutan nama bertuah yang menambahkan lagi kemeriahan suasana.

AWANG Faidil Rosemady bin Mohamad ketika berucap.





MEMPERKUKUH SILATURAHIM, MEMUPUK PERPADUAN MASYARAKAT KAMPUNG

TUTONG, Ahad, 12 April. - Bersempena sambutan Hari Raya Aidilfitri, Majlis Perundingan Kampung (MPK) Bukit Udal dan

PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong hadir selaku tetamu kehormat majlis (kiri), di mana majlis turut diserikan dengan persembahan nyanyian lagu Hari Raya oleh Ahli-ahli MPK Bukit Udal dan Penapar Tutong (bawah).

■ **Berita dan Foto : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan**

Penapar Tutong hari ini telah menganjurkan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri bagi Kampung Bukit Udal dan Kampung Penapar yang berlangsung di Dewan Sekolah Rendah Bukit Udal, Tutong.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Sofian bin Haji Basri.

Juga hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub, juga Penghulu Mukim Ukong, Daerah Tutong.

Ketua Kampung Bukit Udal dan Penapar, Awang Haji Masri bin Haji Abdullah dalam ucapan alu-aluannya antara lain mengongsikan bahawa acara

bertujuan untuk memperkukuh silaturahim, memupuk perpaduan serta mengeratkan lagi hubungan sesama masyarakat kampung.

Di samping itu katanya lagi, ia juga merupakan salah satu usaha berterusan dalam menyatukan penduduk kampung tanpa mengira latar belakang, agar sentiasa hidup dalam suasana harmoni, saling bantu-membantu dan bekerjasama dalam memajukan kampung tercinta.

Majlis turut diserikan lagi dengan persembahan nyanyian lagu Hari Raya oleh Ahli-ahli MPK Bukit Udal dan Penapar Tutong dan sesi bergambar ramai sambil beramah mesra sesama penduduk.



HALUAN

>> Muka 2

Manakala, para pelajar dan golongan belia merupakan generasi inovator yang berpotensi besar dalam mencorakkan landskap teknologi masa depan negara. Sementara itu, para pendidik dan ketua komuniti akar umbi memainkan peranan penting dalam menerapkan pengetahuan, membimbing kefahaman dan memastikan penggunaan AI dilaksanakan secara bijaksana, beretika dan betul.

Komitmen dan peranan kesemua kumpulan peserta ini setentunya dapat memberikan impak positif terhadap pembangunan ekosistem teknologi AI yang inklusif, progresif dan beretika, di samping memperkukuh kesiapsiagaan masyarakat dalam memanfaatkan kemajuan digital secara bertanggungjawab demi kemajuan negara.

Seterusnya disebarkan satu pameran mendukung semua ini (yang akan disebarkan Kehadapan Majlis Kebawah Duli Tuan Patik nanti) juga diadakan di ruang pameran Pusat Persidangan ini menegenahkan peranan AI sebagai pemacu transformasi negara yang menyentuh pelbagai aspek kehidupan masyarakat, daripada keselamatan digital, kesejahteraan rakyat, pembangunan pendidikan dan modal insan, sehinggalah kepada pertumbuhan ekonomi pintar dan inovasi digital inklusif di mana sebanyak 22 agensi dari sektor kerajaan, swasta, perbankan, institusi pengajian dan syarikat industri dan teknologi dari dalam dan luar negara menyertainya.

Pameran ini memberi gambaran menyeluruh tentang bagaimana teknologi AI sedang digunakan dan berpotensi dimanfaatkan bagi meningkatkan kecekapan perkhidmatan, memperkukuh keselamatan, menyokong pembangunan industri serta memperkasa masyarakat di NBD.

Dalam hubungan ini, disebarkan bahawa Yayasan Kebawah Duli Tuan Patik telah mendapat sokongan padu daripada Kedutaan Republik Rakyat China di NBD dengan membawa masuk secara eksklusif sebanyak beberapa buah robot *humanoid* untuk mengadakan beberapa persembahan yang bertepatan dan amat sesuai dengan mendukung tema majlis.

Yayasan Kebawah Duli Tuan Patik seterusnya mengambil kesempatan ini merakamkan penghargaan kepada beberapa agensi iaitu Imagine Sdn. Bhd., Muara Port Company Sdn. Bhd., Hengyi Industries Sdn. Bhd., Bank Islam Brunei Darussalam Berhad, Syarikat Takaful Brunei Darussalam Berhad dan Mulia Hotel Brunei yang telah memberikan kerjasama kepada Kedutaan Republik Rakyat China dalam mendatangkan robot *humanoid* tersebut.

Kehadiran robot *humanoid* ini dihasratkan dapat menecetuskan rasa ingin tahu dan memberi inspirasi kepada generasi muda khususnya para pelajar dan belia untuk mendalami bidang sains, teknologi, kejuruteraan, kesenian dan matematik (Science, Technology, Engineering, Arts and Mathematics, ringkasnya STEAM) serta seterusnya menyemai minat mereka terhadap penyelidikan, kreativiti dan pembangunan bakat tempatan dalam bidang teknologi.

Disebarkan seterusnya bahawa seperti tahun-tahun sebelumnya, acara pagi ini akan juga diserikan dengan acara persembahan oleh seramai seratus empat puluh (140) orang pelajar sekolah menengah, sekolah rendah dan Taman Asuhan Kanak-kanak Yayasan Kebawah Duli Tuan Patik terlibat menjayakan persembahan ini.

Pada mengakhiri sembah alu-aluan ini, sekali lagi hamba Kebawah Duli Tuan Patik dengan penuh hormat dan takzim menyebarkan ucapan setinggi-tinggi menjunjung kasih di atas keberangkatan Kebawah Duli Tuan Patik dan ahli kerabat diraja bercemar duli ke majlis ini.

Demikian juga hamba Kebawah Duli Tuan Patik sukacita mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Ahli-ahli Jawatankuasa dan segenap tenaga kerja yang sama-sama menyumbang pada menjayakan dan menyempurnakan majlis pagi ini.

Di akhir kesempatan ini, hamba Kebawah Duli Tuan Patik dengan menyusun jari 10 jua menjunjung ampun beribu-ribu ampun Kehadapan Majlis Kebawah Duli Tuan Patik sekiranya terdapat sorok langkah yang kurang manis dan tertib dan apa jua kekurangan dan kekhilafan yang tidak abis hamba Kebawah Duli Tuan Patik sengajakan dalam menjunjung keberangkatan Kebawah Duli Tuan Patik dan ahli-ahli Kerabat Kebawah Duli Tuan Patik, dan menyempurnakan majlis pada pagi ini.

Sekian Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Zahir kesyukuran, perkukuhkan ukhuwah



PEMANGKU Penolong Pegawai Daerah Brunei dan Muara beserta isteri hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Ramah Mesra Hari Aidilfitri anjuran Biro Wanita MPK Sengkuring 'B' (atas dan bawah).



■ **Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah**

TELANAI, Ahad, 12 April. – Kemeriahan suasana Aidilfitri masih lagi terasa walaupun bulan Syawal kian menghampiri penghujungnya, Biro Wanita Majlis Perundingan Kampung (MPK) Sengkuring 'B' tidak ketinggalan menganjurkan Majlis Ramah Mesra Hari Aidilfitri.

Majlis yang diadakan di Rasa Ceria Café, Kampung Telanai itu merupakan inisiatif Jawatankuasa Tertinggi bersama ahli-ahli Biro Wanita MPK Sengkuring 'B' dalam usaha mengeratkan hubungan sesama ahli serta keluarga.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Penolong Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Mohd. Khairul Sirajul Fikri bin Haji Jamaluddin beserta isteri.

Turut hadir, Pemangku Ketua Kampung Sengkuring 'B', Awang Abdul Razak bin Haji Ismail selaku Pengerusi MPK Sengkuring 'B' serta isteri, serta Pengerusi Biro Wanita MPK Sengkuring 'B', Dayang Hajah Rukiah binti Haji Mohd. Yassin.

Dalam ucapan Pemangku Ketua Kampung Sengkuring 'B', beliau menjelaskan bahawa sambutan tahunan tersebut diungkapkan sebagai wadah untuk mengeratkan silaturahim, memperkukuh ukhuwah serta meningkatkan kerjasama dalam kalangan ahli Biro Wanita bersama ahli keluarga masing-masing.

Menurut beliau lagi, majlis seumpama ini juga menjadi platform beramah mesra, saling bermaaf-maafan serta menzahirkan rasa kesyukuran selepas menjalani ibadah puasa sepanjang bulan Ramadan.

Majlis turut diserikan dengan pelbagai aktiviti menarik termasuk persembahan lagu-lagu Hari Raya oleh Jawatankuasa Tertinggi Biro Wanita, acara cabutan bertuah, bertukar-tukar hadiah serta Pantun Raya yang menambahkan lagi kemeriahan suasana.

Lebih 50 orang ahli Biro Wanita MPK Sengkuring 'B' bersama keluarga masing-masing hadir bagi memeriahkan sambutan tersebut.

PERASMIAN PAPAN TANDA KETUA KAMPUNG

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Hernie Suliana Haji Othman



Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) Tungku, Pengiran Mahmod Fakhru bin Pengiran Hamzah bagi meneruskan acara perasmian.

Majlis kemudian diteruskan di kediaman Ketua Kampung Kawasan 2, Rancangan Perumahan Negara (RPN) Rimba, Awang Haji Muhammad Nur Ihsan bin Haji Mat Jali, dan Ketua Kampung Kawasan 5, RPN Rimba, Awang Mohd. Baddaruzaman bin Awang Norzaman.

Acara perasmian seterusnya berlangsung di kediaman Ketua Kampung Kawasan 6 RPN Rimba, Awang Joefrey bin Haji Mohammad Yassin sebagai lokasi terakhir lawatan.

Perasmian papan tanda di kediaman ketua-ketua kampung berkenaan disempurnakan oleh Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim.

PEMANGKU Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim hadir pada majlis tersebut dan seterusnya menyempurnakan perasmian papan tanda berkenaan (atas kiri dan atas kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 11 April. - Majlis Perasmian Papan Tanda Ketua-ketua Kampung bagi Daerah Brunei dan Muara diadakan petang tadi melibatkan lima jawatan Ketua Kampung yang telah diisi secara tetap, bertempat di kediaman

masing-masing. Majlis dimulakan di kediaman Ketua Kampung Kiarong Kawasan 2, Awang Mohammad Shair bin

Haji Samsudin. Rombongan seterusnya bergerak ke kediaman Ketua Kampung Kawasan 2, Skim

Eratkan silaturahmi, memperkukuh perpaduan masyarakat kampung



PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Sofian bin Haji Basri hadir selaku tetamu kehormat majlis (atas). Sementara gambar bawah, sebahagian yang hadir pada majlis tersebut.

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

TUTONG, Sabtu, 11 April. - Sambutan Hari Raya Aidilfitri masih diraikan dengan suasana penuh meriah walaupun bulan Syawal hampir sampai ke penghujungnya. Sehubungan itu, Majlis Perundingan Kampung (MPK) Telisai hari ini mengadakan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi bertempat di Dewan Kemasyarakatan, Rancangan Perumahan Negara Bukit Beruang, Mukim Telisai, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Sofian bin Haji Basri.

Terdahulu sebelum majlis bermula, tetamu kehormat dibawa bagi melihat secara lebih dekat ke reruai makanan yang disertai oleh penduduk kampung berkenaan.

Pada majlis itu, penduduk kampung yang hadir dijamu dengan jamuan makanan dan minuman yang beraneka.

Antara lain tujuan majlis itu

sambutan 'Mengeratkan Silaturahmi, Memperkukuh Perpaduan'.

la juga memberi peluang kepada penduduk yang tinggal di luar kampung hadir bagi sama-sama memeriahkan sambutan berkenaan tanpa mengira usia mahupun latar belakang.



NATIONAL ROAD SAFETY COUNCIL
BRUNEI DARUSSALAM

AWASI KELAJUAN, BERI PERHATIAN KEPADA JALAN RAYA.

WATCH YOUR SPEED, WATCH THE ROAD.

Road Safety Depends on #YouAndMe

جانباً كاجي چولچا بروني وللاسلام

BDMD
Brunei Darussalam
Meteorological
Department

BERHENTI DI TEMPAT YANG SELAMAT UNTUK MENGELAKKAN KEMALANGAN

Berhenti sementara jika hujan bertambah lebat dan penglihatan awda terjejas akibat kabus dan cuaca yang gelap

bruneiweather @brunei.weather Weather Line 114 www.met.gov.bn



YANG Dimulikan Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim hadir selaku tetamu kehormat majlis.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Zul-izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 11 April. - Pertubuhan WARGAMAS telah mengadakan Majlis Sambutan Hari Raya dan Kesyukurannya bagi tahun 2026 yang berlangsung dengan penuh meriah dan suasana kekeluargaan, menghimpunkan ahli-ahli serta jemputan khas dalam sama-sama meraikan bulan Syawal yang mulia.

Majlis diserikan dengan kehadiran tetamu kehormat, Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya

Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim dan isteri.

Acara dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar, Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, diikuti dengan nyanyian lagu kebangsaan Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam sebagai tanda kesyukuran dan kecintaan kepada negara.

Yang Dipertua Pertubuhan WARGAMAS selaku Pengerusi

SAMBUTAN HARI RAYA WARGAMAS SEMARAKKAN PERPADUAN, KEHARMONIAN

Majlis, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Mohd. Don dalam ucapan alu - aluannya menegaskan bahawa Pertubuhan WARGAMAS merupakan sebuah organisasi sukarela yang tidak berasaskan keuntungan atau imbuhan kewangan.

Sehubungan itu, beliau menyeru agar semua pihak mengelakkan diri daripada bersikap prasangka buruk atau *suudzon*, iaitu membuat penilaian negatif tanpa mengetahui fakta sebenar, kerana sikap sedemikian boleh merosakkan hubungan, keharmonian dan keperibadian.

Beliau seterusnya menyatakan bahawa di bawah pimpinan baharu bagi sesi 2026 hingga 2029, Pertubuhan WARGAMAS akan terus memperkukuhkan solidariti dan perpaduan dalam kalangan ahli.

Sejak tahun 2021, pertubuhan tersebut telah dibangunkan berlandaskan kesepakatan, kerjasama, persaudaraan dan sokongan padu dalam melaksanakan pelbagai projek, program dan aktiviti secara terancang dan bersistematik, meliputi rancangan jangka pendek dan jangka panjang.

Tambahnya, dengan pelantikan

Ahli Jawatankuasa Tertinggi (JKTT) yang baharu, yang terdiri daripada gabungan ahli lama dan baharu, pihaknya akan berusaha meneruskan serta memperluaskan kolaborasi bersama kementerian dan jabatan kerajaan, di samping memperkukuhkan hubungan strategik dengan sektor swasta termasuk yayasan, institusi kewangan dan organisasi lain.

Dalam hubungan itu, beliau turut memaklumkan usaha memperluaskan jaringan kerjasama bukan sahaja di dalam negara malah ke peringkat antarabangsa melalui penubuhan Biro Antarabangsa di bawah kepimpinan Yang Dipertua sendiri atas cadangan penasihat pertubuhan.

Beliau juga berharap agar barisan JKTT yang baharu akan sentiasa bersikap bijak dan berwawasan serta tidak mudah terpengaruh dengan pihak luar, sebaliknya kekal komited kepada matlamat dan perjuangan Pertubuhan WARGAMAS.

Di samping itu, beliau menasihati agar ahli-ahli mengurangkan kecenderungan kepada hiburan berlebihan dan memperbanyakkan amalan keagamaan serta mendekatkan diri

kepada Al-Quran sebagai persiapan menghadapi kehidupan di akhirat.

Majlis diteruskan dengan ucapan oleh tetamu kehormat yang antara lain menekankan nilai kesyukuran dan perpaduan dalam masyarakat, khususnya dalam kalangan warga emas yang terus memainkan peranan penting dalam pembangunan sosial negara.

Sebagai tanda penghargaan, tetamu kehormat seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil dan penghargaan kepada JKTT, Badan Pengelola dan Penyelaras Sosial (BPPS) serta sukarelawan Universiti Brunei Darussalam (UBD) atas sumbangan dan komitmen mereka.

Majlis turut dimeriahkan dengan cabutan bertuah bagi Hadiah Utama (Grand Prize) yang dinanti-nantikan, sebelum para hadirin menikmati jamuan Hari Raya yang disediakan.

Acara diakhiri dengan aktiviti kekeluargaan termasuk sesi pertukaran hadiah dalam kalangan ahli, sekali gus mengeratkan lagi hubungan silaturahim dan semangat kebersamaan dalam Pertubuhan WARGAMAS.

64 pelajar terima Anugerah Akademik Maktab SOAS

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 11 April. - Seramai 64 pelajar Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddin (SOAS) menerima sijil masing-masing pada Majlis Penyampaian Anugerah Akademik Maktab SOAS bagi Sesi 2025 yang berlangsung di Auditorium, maktab berkenaan, di sini, petang tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil-sijil kepada para pelajar, Ketua Bahagian Akademik, Program dan Perkhidmatan Pendidikan di Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Dayang Hajah Nisah binti Haji Gharif.

Majlis dimulakan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dan lagu maktab disusuli dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran.

Pada majlis berkenaan, seramai

44 penuntut telah mendapat keputusan cemerlang dalam Brunei-Cambridge GCE 'O' / IGCSE Level; 13 penuntut telah berjaya menamatkan Kursus Pearson BTEC International Level 2 Extended Certificate in Hospitality; dan tujuh penuntut lagi telah berjaya menamatkan Program Pra-Vokasional sesi 2025.

Pihak maktab juga turut menyampaikan Principal Award kepada dua orang pelajar yang telah berjaya menerima anugerah ini dengan pencapaian Bronze Award.

Ia merupakan satu pengiktirafan khas kepada pelajar yang bukan sahaja cemerlang dalam akademik, malah aktif dalam aktiviti kokurikulum serta menunjukkan sahsiah yang terpuji.

Majlis juga menyaksikan penyampaian sijil kepada

DAYANG Hajah Nisah binti Haji Gharif semasa menyampaikan sijil kepada salah seorang penerima.

guru-guru Tahun 8 dan Tahun 11 bagi setiap mata pelajaran yang telah mencapai sasaran peratus jumlah penuntut yang mencapai sasaran peratus kredit, juga penghargaan kepada guru-guru pra-vokasional serta guru Business and Technology Education Council (BTEC) in Hospitality bagi Sesi 2025, serta kaunselor Maktab SOAS 2025.

Turut disampaikan anugerah bagi 'Most Improved Subject Award' dan 'Excellence in Credit Achievement Award'.

Antara matlamat utama Majlis Anugerah Akademik ini adalah untuk memberikan dorongan dan motivasi kepada para pelajar agar terus berusaha mencapai kecemerlangan dalam bidang pelajaran dan program-program



berkaitan.

Selain itu melalui anugerah seumpama ini juga, para pelajar dapat menunjukkan peningkatan dan kemajuan dalam pencapaian mereka.

Justeru adalah diharapkan menerusi kecemerlangan ini para

pelajar dapat melengkapkan diri dengan kemahiran abad ke-21 dengan menjadi generasi yang lebih dinamik, berilmu serta berdisiplin yang dapat menyumbang kepada kemajuan negara ke arah mencapai Wawasan Negara 2035.



KUIZ PENERANGAN

ANJURAN JABATAN PENERANGAN, JABATAN PERDANA MENTERI
SEMPENA SAMBUTAN MEMPERINGATI PENUBUHAN JABATAN PENERANGAN
KE-74, TAHUN 2026

SIRI KEDUA

1. Berapakah kadar sewa bagi gelanggang badminton Jabatan Penerangan bagi tempoh satu jam?

- A. BND5
B. BND10
C. BND20
D. BND50

2. Jabatan Penerangan juga menerbitkan akhbar rasmi kerajaan, Pelita Brunei. Berapa kali kah kekerapan akhbar Pelita Brunei diterbitkan?

- a. Setiap hari
b. Dua kali seminggu
c. Tiga kali seminggu

3. Apakah nama program persembahan pentas yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan di keempat-empat daerah sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam?

- A. Pentarama
B. Irama musik
C. Drama Brunei
D. Pentas Irama

4. Apakah tujuan pengiklanan Pelita Brunei diperkenalkan?

- A. Untuk menyiarkan berita antarabangsa
B. Untuk menyokong usaha dan perkhidmatan agensi kerajaan serta sektor swasta
C. Untuk menggantikan media sosial
D. Untuk kegunaan dalaman sahaja

5. Galeri Lentera Makmur dibahagikan kepada beberapa bahagian bagi memastikan penyampaian maklumat lebih tersusun dan interaktif. Antara berikut, yang manakah merupakan salah satu bahagian galeri tersebut?

- A. Ekonomi dan Kewangan
B. Raja Kita
C. Industri dan Pelancongan
D. Keselamatan Negara

SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

- Kuiz dibukakan kepada orang ramai berumur 12 tahun dan ke atas (kecuali pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan serta ahli keluarga).
- Hanya dibenarkan menghantar satu penyertaan sahaja.
- Sila hantarkan jawapan berserta maklumat di bawah dengan betul dan lengkap ke alamat e-mel berikut: pr@information.gov.bn

KETERANGAN PESERTA

Nama: _____
No. Kad Pengenalan: _____
Tarikh lahir & Umur: _____
Nombor Telefon: _____

HADIAH PEMENANG

- Pemenang adalah dihadkan kepada lima pemenang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai yang berjaya menjawab dengan tepat.
- Para pemenang akan menerima hadiah berupa baucer bernilai BND50 setiap seorang.
- Para pemenang akan dihubungi untuk mengambil hadiah.

TARIKH TUTUP PENYERTAAN
SABTU, 18 APRIL 2026

6 April 2026 dan 13 April 2026



Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri



infodept.bn



infodept_bn



Pelita Brunei



pelitaibrunei



سروك سروي

منجادي سينر بوات أنق يتيم

جماعه يغ درحمتي الله،

برتقوى له كيت كحضرة الله ﷺ دغن منيغكنن كلمانن ككفدن. سوسوگوهن اورغ يغ فالينغ مليا دسيسى الله ﷺ ايت اياله اورغ يغ فالينغ يرتقوى. موده-مودهن كيت منجادي انسان يغ سنتياس مغايغي الله ﷺ براوله كحيان دان كسلامتن ددنيا دان جوك داخيرة.

الله ﷺ برفرمان دالم سورة مريم آية ٩٦:

سسوگوهن اورغ-اورغ يغ برلمان دان مغرجاكن عملن-عملن صالح، توهن يغ مها فموره اكن منافكن دالم هاتي مريك فراسان كاسيه ساينغ. (مريك دكاسيهي اوليه اورغ لايان دان دريضاوي اوليه الله).

جماعه يغ درحمتي الله،

سسوگوهن اسلام اداله اكلام يغ دينا اتس اساس رحمة، كاسيه ساينغ، بلس احسان دان كفريهاتينن ترهادف سسام مانسي. اورغ يغ بنر ٢ برلمان بوكن سهاج بايك هوبوغشن دغن الله ﷺ، بهكن ترفنجر درفد ديرين اخلاق يغ موليا، جيو يغ لمبوت، هاتي يغ قدولي دان تاغن يغ ريغن اتوق منولوغ مريك يغ مملوكن. جسترو ايت اومت اسلام دانجوركن اتوق سنتياس منوجوكنن كاسيه ساينغ ترهادف سمو لافيسن مشاركت خصوصن كفد كولوغن يغ داوحي دغن كسوسهن، ككورغن دان كهيلغن سفرتي فقير مسيكن، اورغ كلانين اوفاي دان ليه-ليه لايان اتق-اتق يتيم يغ امت مملوكن فرهاتين دان بلاين كاسيه ساينغ.

بايغن ساورغ اتق كجيل يغ بارو مغئل دنيا، نامون تله كهيلغن فليندوغ اوتامن. مريك مميسر تنفا كاسيه ساينغ ساورغ آيه، تنفا تاغن ساورغ آيه اتوق ميمقين لغكه دان تنفا باهو ساورغ آيه اتوق برساندر دان يرفاوت. دساعت كاتق-كاتق لايان بركللق كتاوا برسام آيه ماسيغ-ماسيغ، مريك هان مغمو مندغ دري جاوه دان ممدن ريندو يغ تيدق تراوجف.

جماعه يغ درحمتي الله،

رسول الله ﷺ سنديري فرته مراسي فرينن كهيلغن انسان بركلر آيه. باكيندا ﷺ مميسر دالم جاكانن كلواركا تردكت دغن فمليهاران الله ﷺ. ملالوي سيرة كهيدوفن بيكيندا، كيت بلاجر آرتي كاسيه ساينغ، لغماتي دان تگكوغجواب ترهادف انسان يغ تيدق لايان مغفويي غمقت بركنتوغ خصوصن اتق-اتق يتيم يغ داوحي دغن كهيلغن انسان ترساينغ سحج اول كهيدوفن مريك.

دالم اكلام اسلام، كيت دانجوركن اتوق سنتياس مغاسيهي دان منجاك اتق-اتق يتيم دغن احسان. سسوگوهن كاسيه ساينغ ترهادف مريك بوكن

سقدر عملن موليا، ماله اي اداله ساتو تونتوتن اكلام يغ دسبوت سجارا جلس دالم القرآن. فرمان الله ﷺ دالم سورة البقرة آية ٨٣:

دان برووات بايكله كفد ايوو باف، قوم قرابة دان اتق-اتق يتيم مرتا اورغ-اورغ مسيكن.

سسوگوهن مپنتوني اتق يتيم بوكنله ساتو بين، سباليكن اي اداله ساتو قلوغ، قلوغ اتوق منجادي تاغن يغ ميافو اير مات مريك، قلوغ اتوق منجادي باهو غمقت مريك برساندر دان قلوغ اتوق منجادي انسان يغ مغماليكن سمولا سبومن دواجه مريك. رسول الله ﷺ سنديري تله ميمقايكن دالم حديث بكندا تنغ كدودوفن يغ موليا دشرن باكي سسياف يغ منجاك اتق يتيم. درفد ابو هريرة روى رسول الله ﷺ برسيدا: كافل اليتيم له او لغيره، انا وهو كهاتين في الجنة، وأشار مالك بالسبابة والوسطى.

مقصودن: فنجاك اتق يتيم درفد قرابة اتاو بوكن قرابتن، ساي دان فنجاك ايت اداله سقرتي دوا جاري اين ددالم شرك. مالك (قرواية حديث) مغشارتكن دغن جاري تلوجوق دان جاري هنتو. {حديث رواية امام مسلم}

ليهتله، بتاف بسر كنجارن يغ دجنجيكن. دكتن دان برسامن فنجاك اتق يتيم دغن رسول الله ﷺ ددالم شرك سباكيما مقصود حديث ايت تادي بوكنله كدودوفن يغ كجيل. اي مننجوقكن بهوا منجاك اتق يتيم ايت اداله عملن يغ ساعة موليا، ساعة دجيتي اوله الله ﷺ دان ساعة دكت دغن اخلاق كنيان.

قرلو دكتهوي، بهوا مپنتوني اتق-اتق يتيم تيدق برارتي كيت قرلو منجادي فنجاك مريك اتاو مغمبيل مريك سباكي اتق اغكت. كيت ماسيه بوليه ممباوا هارفن دان كهياكيان دالم هيدوفن مريك ملالوي فلباكاكي جارا، انتاران: فرتام: ميوبيغ كفد رومه كياجين اتاو دانا اتق يتيم.

كدوا: مناجا فنديدين مريك. كتيك: منزيارهي دان مغكمبيران مريك. كامقت: مدياكن كقرلوان اساس سقرتي فاكين، ماكن منوم دان ساومقامن. كليما: منجادي غمقت برتان دان بيمبيغن اقبيل مريك مملوكن.

اوليه يغ دمكين، ستياف بنتوق فرهاتين دان كيايكن يغ كيت هولوركن كفد اتق-اتق يتيم والادوفن كجيل نامون اي تنف بسر نيلاين دسيسى الله ﷺ. اف يغ فالينغ اوتام اياله كاخلاصن هاتي كيت دالم مپنتوني مريك.

سسوگوهن اتق-اتق يتيم موغكين تله كهيلغن ساورغ انسان بركلر آيه تنافي كحاضرون كيت سباكي مشاركت يغ برجيوا رحمة مغمو منجادي

جهاي يغ مپنري دان مورناي كهيدوفن مريك دغن كاسيه ساينغ. دغن اذن دان رحمة الله ﷺ جوا، ستياف لغكه كيت دالم مپنتو دان مپنتوني مريك بوليه منجادي اسباب الله ﷺ مموكا فينتو شركن بوات كيت سموا.

جماعه يغ درحمتي الله،

الحمد لله، فلباكاكي فيبق دنكارا كيت سام ادا فيبق كراجان، سواستا دان ايتديويدو فرسنديرين تروس بركيات اكتيف مپنتو اتق-اتق يتيم. اين ترماسوقله بنتوان ملالوي SMS بروني فريهاتين دانا فقيران مودا مهكوتا المهتدي بالله اتوق اتق-اتق يتيم. فروجيك تاهونن اين تله ديوكا دري ٢٧ نوبمبر ٢٠٢٥ يغ لالو هيغك ٢٧ اوكوس ٢٠٢٦ دان اي برتوجوان اتوق مودهكن اورغ راماي ميوبيغ ملالوي SMS باكي ميوكوغ اسوهن، بيمبيغن دان فنديدين اتق-اتق يتيم اكر مريك مميسر سباكي وركا نكارا يغ بركونا.

كيت موغكين تيدق مغمو مغويه ماس لالو اتق-اتق يتيم، تنافي كيت ماسيه دبري قلوغ اوليه الله ﷺ اتوق منجورقكن ماس دفن مريك دغن كاسيه ساينغ دان هارفن. ملك ماريله كيت مناتم عزم اتوق تروس منجادي انسان يغ ممباوا جهاي كفد كهيدوفن اتق ٢ يتيم. جاغله مريك دياركن مراس كساورغن دالم منشفه فرجانن هيدوف. هولوركنله بنتوان، دمقيشه مريك، ديديقله مريك دان بيلاله حق مريك. سموك ستياف بنتوان دان سوكونن يغ كيت هولوركن منجادي جهاي يغ منرغي لغكه مريك ددنيا دان منجادي جهاي يغ مندو كيت منوجو اخيرة دغن اذن دان رحمة الله ﷺ.

(مغناي اوروسن-اوروسن كامو) ددنيا دان داخيرة. دان مريك برتان لايان كفد مو (واهاي ني محمد) مغناي اتق-اتق يتيم. كاتاكله (كفد مريك): مغربايكي كادان مريك امله بايك. دان جك كامو برجمفور كاؤل دغن مريك (تيدق اد سالهن) كران مريك اياله سودارا-سودارا كامو (يغ ساكام). دان الله مغتهوي اورغ يغ ميموات كروسقن (قد هرتا بندا مريك) درفد اورغ يغ هندق مغربايكين. دان جك الله مغهندقي تتوله دي ميمرتكن كامو (دغن ملارغ كامو برجمفور كاؤل دغن مريك). سسوگوهن الله مها فركاس لايان مها بيحسان. {سورة البقرة آية: ٢٢٠}

بَارَكَ اللهُ لَنَا فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلْ مِنَّا تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَغْفِرُكَ اللَّهُ الْعَظِيمُ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَنْجَاةَ النَّائِبِينَ.

SEMAI MINAT MEMBACA, MENINGKATKAN TAHAP LITERASI



PEMANGKU Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Awang Suip bin Haji Abdul Wahab hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan Majlis Pelancaran Perpustakaan Bergerak (Mobile Library) (atas). Manakala gambar atas kanan, antara pelajar yang hadir pada majlis tersebut.

LAMBAK KANAN, Sabtu, 11 April. - Perpustakaan merupakan institusi penting dalam pembudayaan ilmu serta menyokong pembangunan masyarakat berinformasi dan berdaya saing.

Namun, tidak semua lapisan masyarakat mempunyai akses kepada kemudahan perpustakaan

fizikal, khususnya mereka yang tinggal di kawasan pedalaman atau menghadapi kekangan untuk berkunjung ke perpustakaan.

Sehubungan itu, Majlis Pelancaran Perpustakaan Bergerak (Mobile Library) bagi Sekolah Jigsaw, Taman Setia, Jalan Pasir Berakas diadakan di perkarangan sekolah berkenaan

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Azmah Haji Ahad

disempurnakan oleh Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Awang Suip bin Haji Abdul Wahab selaku tetamu kehormat.

Perkhidmatan Perpustakaan Bergerak diperkenalkan sebagai inisiatif bagi merapatkan jurang akses maklumat dan bahan bacaan kepada masyarakat secara lebih menyeluruh.

Perkhidmatan ini memainkan peranan penting dalam menyemai minat membaca, meningkatkan tahap literasi serta menyediakan sumber rujukan kepada semua peringkat umur.

Dengan pendekatan yang lebih fleksibel dan proaktif, perpustakaan bergerak mampu mendekati komuniti secara langsung.

Setakat ini, Perkhidmatan Perpustakaan Bergerak Dewan Bahasa dan Pustaka mempunyai 77 buah pusat perhentian terdiri daripada sekolah kerajaan, sekolah swasta dan sekolah agama di Daerah Brunei dan Muara melalui jadual lawatan yang telah ditetapkan.

Inisiatif ini bukan sahaja



membantu meningkatkan akses kepada ilmu pengetahuan, malah turut menyokong usaha kerajaan dalam membina masyarakat yang berilmu, celik maklumat dan berbudaya membaca.

Memperluas jangkauan antarabangsa melalui penceritaan digital tempatan

■ Siaran Akhbar : Jabatan Kemajuan Pelancongan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 11 April. - Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan telah melantik ELMNTL sebagai Agensi Rujukan Global (AOR) untuk Strategi Media Sosial dan Penghasilan Kandungan, menandakan buat pertama kalinya Negara Brunei Darussalam (NBD) melibatkan sebuah agensi antarabangsa untuk menerajui penceritaan digital global dan strategi kandungan mereka.

Kerjasama ini menunjukkan usaha NBD untuk meningkatkan kesedaran antarabangsa terhadap destinasi tersebut melalui penceritaan moden dan penglibatan digital yang strategik.

Menurut Pemangku Pengarah Kemajuan Pelancongan, Dayang Salinah binti Haji Mohd. Salleh, pelantikan ini mencerminkan komitmen NBD dalam memperkukuh kehadiran antarabangsa melalui penceritaan digital yang teliti, menghormati budaya dan strategik.

"Ketika kami terus memposisikan NBD sebagai destinasi pelancongan keluarga, penemuan budaya dan pengalaman berasaskan alam semula jadi, ELMNTL membawa kepakaran global dan disiplin strategik yang diperlukan untuk menyampaikan nilai, warisan, dan identiti kami kepada audiens antarabangsa," tambahnya.

Di bawah pelantikan ini, ELMNTL akan bertindak sebagai peneraju strategik dan kreatif global bagi Brunei Tourism, mengawasi strategi media sosial antarabangsa, hala tuju kreatif, pembangunan kandungan, pengoptimuman media berbayar serta pelaporan prestasi di pasaran utama. Skop ini merangkumi kandungan global berterusan serta kempen bermusim utama yang selaras dengan objektif nasional Brunei Tourism.

Bagi memastikan keaslian dan perwakilan tempatan yang kukuh, ELMNTL akan bekerjasama dengan syarikat produksi tempatan, Lailatul Shazanas Studio, yang akan menyokong penggambaran di lapangan, pengumpulan kandungan serta panduan budaya sepanjang program ini.

Kerjasama ini direka untuk menggabungkan kepakaran strategik antarabangsa dengan bakat kreatif tempatan bagi memastikan kisah NBD disampaikan dengan tepat dan penuh hormat.

Secara bersama, pasukan ini akan menonjolkan kedudukan NBD sebagai destinasi yang ditandai oleh budaya autentik, alam semula jadi yang terpelihara dan pengalaman pelancongan yang bermakna, termasuk penerokaan hutan hujan, pertemuan dengan hidupan liar, mercu tanda warisan serta pelancongan berorientasikan keluarga yang berteraskan keamanan, keseimbangan dan kelestarian.

ELMNTL akan bertindak sebagai hab penyelaras utama, menetapkan piawai antarabangsa sambil bekerjasama rapat dengan rakan kongsi di NBD untuk memastikan konsistensi, integriti budaya dan pelaksanaan berkualiti tinggi.

Ketua Pegawai Eksekutif ELMNTL, Ron Vernon berkata, "NBD merupakan destinasi yang jarang ditemui, dipandu oleh nilai, keaslian serta penghormatan terhadap alam semula jadi dan warisan.

"Kami berbesar hati dilantik sebagai agensi antarabangsa pertama NBD dan berpeluang bekerjasama dengan rakan-rakan berbakat di NBD untuk berkongsi kisah negara ini dengan dunia".

mencerminkan keyakinan yang semakin tinggi dalam kalangan pengendali antarabangsa terhadap kesiapsiagaan, infrastruktur serta keunikan produk pelancongan Brunei, sekali gus mengukuhkan kedudukan negara sebagai destinasi kapal persiaran yang semakin menonjol.

Menariknya, Piano Land dijangka kembali lagi pada penghujung bulan ini, manakala ketibaan sulung seterusnya dijadualkan bagi kapal persiaran Amadea pada 6 April 2026, sekali gus memperkukuh daya tarikan berterusan Brunei dalam pasaran kapal persiaran serantau.

NBD terima ketibaan kapal persiaran Piano Land



SEBAHAGIAN penumpang kapal persiaran antarabangsa Piano Land semasa tiba di Negara Brunei Darussalam (kiri dan bawah kiri).



■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Kemajuan Pelancongan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 11 April. - Negara Brunei Darussalam baru-baru ini telah mengalu-alukan ketibaan kapal persiaran antarabangsa Piano Land, yang membawa seramai 1,336 penumpang dan 497 anak kapal.

Tiba dari Kota Kinabalu, para penumpang menikmati tawaran pelancongan Brunei sebelum meneruskan pelayaran ke Hong Kong.

Majoriti penumpang merupakan pelancong dari Republik Rakyat China, sekali gus menonjolkan daya tarikan negara ini yang

semakin meningkat dalam kalangan pelancong Republik Rakyat China dan pelancong kapal persiaran antarabangsa.

Setibanya di sini, para penumpang disambut dengan persembahan hadrah tradisional, mencerminkan kekayaan warisan budaya dan layanan mesra Brunei Darussalam.

Sepanjang berada di darat, penumpang mengunjungi beberapa tarikan utama di ibu negara, termasuk sesi bergambar di hadapan Istana Nurul Iman serta lawatan ke Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah untuk

mengetahui lebih lanjut mengenai koleksi peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, selain beberapa tarikan lain.

Para penumpang juga berpeluang meneroka serta membeli cenderamata tempatan asli yang terdapat di Pusat Kapal Persiaran selepas lawatan mereka.

Beberapa maklum balas positif telah diterima daripada penumpang dari Republik Rakyat China selepas lawatan singkat mereka, yang menonjolkan Brunei Darussalam sebagai destinasi kapal persiaran yang unik dan kaya dengan budaya.

Para pelawat menghargai suasana negara yang aman, mercu tanda yang terpelihara dengan baik serta layanan mesra yang diberikan.

Ramai juga memuji keramahan masyarakat tempatan dan pemandu pelancong yang memberi peluang untuk memahami budaya dan warisan Brunei dengan lebih mendalam, malah ada dalam kalangan penumpang menyatakan minat untuk kembali bagi meneroka dengan lebih lanjut tarikan berasaskan alam semula jadi dan budaya di negara ini.

Dengan ketibaan Piano Land hari ini, Brunei Darussalam telah menerima 13 kapal persiaran antarabangsa setakat tahun ini, daripada kira-kira 30 yang dijangka berlabuh sepanjang tahun 2026.

Peningkatan kekerapan ketibaan kapal persiaran

JMK TERBITKAN 2 BUKU BAHARU



DUA buah buku baharu, iaitu Fatwa Mufti Kerajaan 2024; dan Irsyad Hukum 2024 yang diterbitkan oleh Jabatan Mufti Kerajaan (JMK), Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Bacaan Surah Al-Fatihah Sebelum dan Selepas Majlis; Menjual Barang Tiruan; Hukum Spot Forex dan Forex CFD; Hukum Menggunakan Ibu Tumpang; Penglibatan Wanita Islam Dalam Sukan Angkat Berat; Sukan Bola Sepak Wanita; Memakan Organ Binatang dan Organ Ikan; Memuat Turun dan Membeli Perisian Komputer Cetak Rompak; dan Wanita Bekerja Sebagai Penggali Kubur.

Sementara itu, buku Irsyad Hukum 2024 pula terangnya bukan fatwa, dan buku ini merupakan bimbingan hukum atau nasihat yang menjurus kepada jalan yang benar.

Kalau fatwa katanya, masyarakat bertanya Mufti memberi penjelasan hukum tentang perkara yang ditanyakan dan Irsyad Hukum pula bukan sumber daripada perkara yang ditanyakan tetapi institusi fatwa melihat perkara ini perlu diberikan penjelasan kepada masyarakat dengan tujuan untuk memberi bimbingan dan panduan hukum ke arah kehidupan yang lebih baik di dunia dan

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 11 April. - Jabatan Mufti Kerajaan (JMK), Jabatan Perdana Menteri (JPM) kini menerbitkan dua buah buku baharu, iaitu Fatwa Mufti Kerajaan 2024; dan Irsyad Hukum 2024.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Pengurus Penerbitan Fatwa, JMK, JPM, Awang Haji Yakob bin Haji Metali pada sidang media mengenainya yang diadakan di bangunan jabatan berkenaan.

Menurutnya, buku Fatwa Mufti Kerajaan 2024 merupakan terbitan JMK ke-158, sejak penubuhannya pada tahun 1994.

Buku Fatwa Mufti Kerajaan

2024 jelasnya, adalah himpunan fatwa berdasarkan pertanyaan masyarakat sepanjang tahun 2024, dan fatwa ini bukan hanya sekadar menjawab persoalan yang ditanyakan tetapi dikupas dan diuraikan dengan jelas agar para pembaca memahami latar belakang persoalannya.

Tambahnya, terdapat sebanyak 29 fatwa berdasarkan pertanyaan yang dikemukakan terkandung dalam buku ini.

Antara persoalan yang menarik untuk diketahui fatwa mengenainya ialah Kedudukan Sembahyang Bagi Pesakit Yang Membawa Bersamanya Kantung Kolostomi;

ELAKKAN MENEKAN BREK JIKA KENDERAAN AWDA TERBABAS

Biarkan kenderaan awda meluncur dan gunakan stereng untuk menghalakan kenderaan awda ke tempat yang selamat

bruneiweather @brunei.weather Weather Line 114 www.met.gov.bn

akhirat.

Tambahnya, buku Irsyad Hukum 2024 merupakan terbitan JMK ke-159, dan sebanyak 38 tajuk dihidangkan dalam buku ini.

Antara tajuk-tajuk yang menarik ialah Mengucap Dua Kalimah Syahadah Dengan Selain Bahasa Arab; Kempunan Menurut Pandangan Syara'; Menggabungkan Beberapa Sembahyang Dalam Satu Sembahyang; Sembahyang Di Luar Masjid Al-Haram Mengikut Imam Di Dalam Masjid Al-Haram; Sembahyang Jama' Kerana Sakit; Mengeluarkan Zakat Atau Membayar Hutang; Apa yang

didahulukan?; Adab Memulai dan Menyudahi Bacaan Al-Quran Di Pertengahan Surah; Kedudukan Sembahyang Ma'mum Yang Batal Sembahyang Imamnya; Ma'mum Sembahyang Seorang Diri Di Belakang Shaf; dan Penerima Waqaf Yang Ditentukan Meninggal Dunia.

Orang ramai yang berminat untuk membeli buku-buku berkenaan boleh berkunjung ke Kedai Buku JMK pada waktu bekerja dengan harga BND5 senaskah bagi buku Fatwa Mufti Kerajaan 2024, dan BND6 senaskah untuk buku Irsyad Hukum 2024.

Taska PGGMB adakan Sambutan Hari Raya Aidilfitri



Siaran Akhbar dan Foto : Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 11 April. - Kemeriahan sambutan Hari Raya Aidilfitri masih terus diraikan oleh pelbagai pihak di negara ini, tidak ketinggalan Pusat Penjagaan Kanak-kanak (Taska), Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB) yang turut meraikannya di pusat berkenaan pagi tadi.

Dalam ucapan alu-aluan Penyelia Taska PGGMB, Dayang Siti Rabeah binti Haji Mantin, menyatakan tujuan sambutan adalah untuk memberikan pendedahan dan mengetengahkan kreativiti anak-anak di pusat berkenaan, selain turut mengeratkan silaturahim dan ramah mesra bersama ibu bapa,

anak - anak, juga untuk membarigakan tentang fasiliti yang terdapat di taska tersebut.

Hadir memeriahkan sambutan di majlis tersebut, Yang Dipertua PGGMB, Awang Haji Mustapa bin Haji Masri; Timbalan Setiausaha Agung (Luar Negeri), Awang Haji Yahya bin Haji Mirasan; Penyelia Taska PGGMB, Dayang Siti Rabeah binti Haji Mantin; Guru Besar Sekolah PGGMB Sungai Akar, Dayang Maswati Airin Patrah binti Ahmad; serta guru-guru, ibu bapa dan anak-anak Taska PGGMB.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, ucapan alu-aluan Penyelia Taska, dan

kemudian diikuti dengan beberapa aktiviti pertandingan seperti *egg spoon contest*, *colouring contest*, *collect ball contest*, *baby race contest*, pakaian anak-anak tercantik lelaki dan perempuan, dan pakaian tercantik ibu bapa lelaki dan perempuan.

Hadiah para pemenang disampaikan oleh Yang Dipertua PGGMB dan Timbalan Setiausaha Agung (Luar Negeri).

ANTARA yang hadir pada majlis tersebut.



SUASANA pada sambutan Hari Raya Aidilfitri Pusat Penjagaan Kanak-kanak (Taska), Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB) (atas dan kiri).




**JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI**

Jemputan Untuk Memberi Tawaran
Jabatan Perkhidmatan Elektrik

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / PSP / 003 / 2026

Tajuk Tawaran :
Supply, Delivery, Installation And Commissioning Of 25/30 MVA ONAN/ONAF 132/66/11kv Power Transformer At Muara Substation

Tarikh Tutup:
Selasa,
21 April 2026
Jam 2.00 Petang

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

Tempat Tutup:
Peti Tawaran
Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri,
Lobi Utama, Aras 1
Bangunan Jabatan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913,
Negara Brunei Darussalam

Jemputan Untuk Memberi Tawaran
Jabatan Perkhidmatan Elektrik

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / PSP / 100 / 2025

Tajuk Tawaran:
Design And Engineering Services For The Proposed Upgrade Of Existing 66kv Substation To 132kv-Rated Substation At Muara, Brunei-Muara District And At Setia Diraja, Belait District

Tarikh Tutup:
Selasa,
21 April 2026
Jam 2.00 Petang

Yuran Tawaran:
BND100.00
(Tidak Dikembalikan)

Tempat Tutup:
Peti Tawaran,
Pengerusi,
Lembaga Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri,
Lobi Utama, Aras 1
Bangunan Jabatan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan,
BB3913,
Negara Brunei Darussalam.


**JABATAN KEMAJUAN
PELANCONGAN
KEMENTERIAN
SUMBER-SUMBER UTAMA
DAN PELANCONGAN**

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
JKP / LTK / 2026-2027 / 1
Event Management Services For Brunei Coffee Trail 2026 In Miri, Sarawak, Malaysia

Tarikh Tutup:
Selasa,
12 Mei 2026
Jam 2.00 Petang

Yuran Setiap Satu Tawaran:
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)
Pembayaran Adalah Secara Dalam Talian


**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
32 / NOV / 2025 / KKBS / PJK / 16.14(2) (R)
Air-Conditioning And Ventilation Works To Existing Air Distribution System At Setiausaha Sulit (Kemasyarakatan) Office, Level 7,
Ministry Of Culture, Youth And Sports, Brunei Darussalam (Re-Quotation)

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis,
30 April 2026
Jam 2.00 Petang


**JABATAN PERBENDAHARAAN
KEMENTERIAN KEWANGAN
DAN EKONOMI**

Pemberitahuan Sebut Harga

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
JPKK / JKSH2627-QTN.01 / ADM
Membekalkan Pelbagai Alat Tulis Dan Alat Perkakas Pejabat Bagi Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan Dan Ekonomi

Tarikh Tutup / Jam:
Sabtu, 18 April 2026
Jam 9.00 Pagi

Tempat Menghantar Tawaran:
Peti Sebut Harga,
Jabatan Perbendaharaan Tingkat 2,
Tower Block
Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Commonwealth Drive,
Jalan Kebangsaan
Negara Brunei Darussalam


**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada Pemborong - Pemborong Yang Berdaftar Di Dalam

Kelas:
V & VI Sahaja

Kategori:
KA01

Tarikh Mengambil Dokumen Tawaran:
1 April 2026

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Tawaran:
Selasa,
21 April 2026
Jam 3.00 Petang

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
28 April 2026
Jam 2.00 Petang

Bilangan:
JKR / DOR / SRM 16 / 2025

Nama Projek:
Membaik Pulih Dan Menurap Semula Lebuhraya Tungku Jerudong
(Di Antara Pusing Keliling Agrotek & Pusing Keliling Tungku Jerudong) - Hala Jerudong

Yuran Tawaran:
BND50.00
(Tidak Dikembalikan)

E-Dokumen:
Tidak Ada


KEMENTERIAN PERTAHANAN

Pemberitahuan Tawaran Kementerian Pertahanan

Rujukan Bilangan dan Tajuk Tawaran:
MINDEF / DFA / CCAU / 05 (1)
Purchase Of Buggy Car Vehicle For The Royal Brunei Armed Forces

Tarikh Mula Tawaran:
13 April 2026

Yuran Tawaran:
BND50.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu
**Isnin,
11 Mei 2026.**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
19 Mei 2026
2.00 Petang



Rujukan Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2025 / GCAU / LOG / TA / 8005
Pembelian Ransum Bungkus Selama 4 Bulan Bagi Keperluan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei

Yuran Tawaran:
BND 30.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu
**Selasa,
5 Mei 2026.**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa
12 Mei 2026
Jam 2.00 Petang



Rujukan Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2025 / GCAU / DEPOH / TA / 8016
Pembelian Alat Kelengkapan Pecah Belah Bagi Kegunaan VVIP Semasa Acara-Acara Rasmi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu
**Selasa,
12 Mei 2026.**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa
21 April 2026
Jam 2.00 Petang



Rujukan Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2025 / GCAU / RPK / TA / 8009
Permohonan Pembelian Alat Kelengkapan Tali Bagi Unit Rejimen Pasukan Khas, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (RPK ABDB)

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu
**Selasa,
12 Mei 2026.**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
19 Mei 2026
Jam 2.00 Petang





**JABATAN BELIA DAN SUKAN
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Bilangan dan Keterangan

Tawaran:

(17) JBS / ADM / QC / 2026

Air-Conditioning System Term Contract Maintenance of a Period of Twenty-Four (24) Months at Jerudong Sports Complex

Bilangan dan Keterangan

Tawaran:

(18) JBS / ADM / QC / 2026

Mechanical and Electrical Term Maintenance for a period of Thirty-Six (36) Months for:
1. Anggerek Desa Swimming Pool
2. Unit Kenderaan, Jabatan Belia dan Sukan

Bilangan dan Keterangan

Tawaran:

(19) JBS / ADM / QC / 2026

Adhoc Work for Air-Conditioning System Term Contract Maintenance for Period of Twelve (12) Months for All Sports



Complex Building (Brunei Muara District)

Bilangan dan Keterangan

Tawaran:

(20) JBS / ADM / QC / 2026

General Building Term Maintenance for a Period of Thirty-Six (36) Months for Indoor Stadium, HBNSC

Bilangan dan Keterangan

Tawaran:

(21) JBS / ADM / QC / 2026

To Propose, Supply, Delivery, Installation, Configuration, Testing, Maintenance and Warranty of Close Circuit Television (CCTV) System at Temburong Sports Complex

Bilangan dan Keterangan

Tawaran:

(22) JBS / ADM / QC / 2026

General Building Term Maintenance for a Period of Thirty-Six (36) Months for Tutong Sports Complex, Youth Office and Youth Centre Building at Tutong District

Yuran Tawaran:

BN5.00

Tarikh Tutup:

Khamis,

23 April 2026

Kenyataan Sebut Harga

**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:**

05 / APR / 2026 / KKBS / PJK / 16.91

Kerja-Kerja Pembekalan 'Built-In' Kabinet Dan Membaikpulih Perabot Di Pejabat-Pejabat Setiausaha Tetap Di Tingkat 7, Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**

06 / APR / 2026 / KKBS / PJK / 16.91

To Fabricate, Supply And Install New Display Case And Shelves At Level 8, Ministry Of Culture, Youth And Sports, Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Sebut Harga:

Khamis,

30 April 2026

Jam 2.00 Petang



KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:

MFA / PENT / 02 / 2026

Membekal Dan Menghantar (1) Satu Unit Kenderaan Baharu SUV With Two-Wheel Drive (2WD) Untuk Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri

Tarikh Tutup Tawaran:

Selasa,

14 April 2026

Jam 2.00 Petang



**Makluman Pemberitahuan
Sebut Harga**

Sebut Harga dibukakan kepada Syarikat-Syarikat dan Pemborong-Pemborong yang berdaftar dengan agensi-agensi kerajaan dalam bidang berkaitan untuk menyertai sebut harga seperti keterangan berikut:

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**

03 / MFA-ICC-Q / 2026-27 Supply And Installation Of PVC Canvas For Slope Protection (Soil Erosion Control) At International Convention Centre (ICC), Ministry Of Foreign Affairs, Negara Brunei Darussalam.

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**

04 / MFA-ICC-Q / 2026-27 Landscape Maintenance Services For International Convention Centre, Berakas, Ministry Of Foreign Affairs For A Period Of Three (3) Months.

Bayaran Yuran Dokumen:

BND5.00 setiap dokumen (Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Sebut Harga:

Rabu, 15 April 2026

Jam 2.00 Petang



**KEMENTERIAN
SUMBER-SUMBER UTAMA
DAN PELANCONGAN**

**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga :**

KSSUP / BPK / JKSH / ASET / 01 / 2026-2027

Proposed Renovation And Improvement Works For Info-Communication And Technology Department, Ministry Of Primary Resources And Tourism.

**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:**

KSSUP / BPK / JKSH / ASET / 02 / 2026-2027

Garbage Collection And Disposal Services For Ministry Of Primary Resources And Tourism Building, Unit Penguatkuasaan Dan Kawalan Sempadan Terunjing And Pos Kawalan Sungai Tujoh For The Period Of Three (3) Years.

Tarikh Tutup Sebut Harga:

Khamis,

30 April 2026

Jam 2.00 Petang

Yuran Setiap Satu Sebut Harga:

BND5.00

(Tidak Dikembalikan)

Pembayaran Adalah Secara

Dalam Talian



**PASUKAN POLIS
DIRAJA BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

T / 002 / RBPf-HQ / 2026- S [004 / LOG / 2026-S]

To Supply, Delivery, Testing, Training, Acceptance And Calibration Of Handheld Speed Enforcement Equipment For Royal Brunei Police Force, Negara Brunei Darussalam.

Yuran Tawaran:

BND100.00

(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran:

Selasa,

5 Mei 2026

Jam 2.00 Petang



**UNIVERSITI ISLAM SULTAN
SHARIF ALI**

UNISSA / SB0077 / 2025 / 2026

Upgrading Works At Guest Room At Male And Female Resident Hostel Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Gadong Campus [MOD Class: I & II Only] & [Category: KA01, B01, M01 & E01]

Tarikh Tutup Tawaran:

Rabu,

22 April 2026

Jam 2.00 Petang



**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER
UTAMA DAN PELANCONGAN**

Bilangan Dan

Tajuk Sebut Harga:

IKAN / 78(Q) / 0001 / 2026

Media Coverage (Photo & Video) And Video Production For 'Brunei Darussalam Expedition & Conference On Sustaining Our Oceans : Innovation, Governance And Resilience For A Blue Future

Tarikh Tutup

Sebut Harga:

Khamis,

30 April 2026

Jam 2.00 Petang



**JABATAN MUZIUM-MUZIUM
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Kenyataan Tawaran

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
01 / JMM / S / 12 / 91 (2026 / 2027)

Design And Build On Rectification, Fabrication, Installation And Development Of Content, Interactives And Multimedia For The Brunei Museum, Kota Batu

Tarikh Tutup Tawaran:

Selasa,

5 Mei 2026

Jam 2.00 Petang





KEMENTERIAN KESIHATAN

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**

 (22) PSD / QTN / 2026 –
(ESTETMOH)

 Quotation To Supply And Install
Roofing Work At Rooftop Building,
Ministry Of Health

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**

 (23) PSD / QTN / 2026 –
(ESTETMOH)

 Pembaikan Di Asrama Jururawat
(3 Units) Dan Perumahan
Rimba Kelas Cc
(1 Unit)

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**

 (24) PSD / QTN / 2026 –
(ESTETMOH)

 To Supply, Deliver, Install And
Commission Hot And Cold Water
Dispensers For The Ministry Of
Health Headquarter Building By
Lease For A Period Of Five
(5) Years,
Ministry Of Health

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**

 (25) PSD / QTN / 2026 –
(ESTETMOH)

 One (1) Years Contract For
Maintenance And Repair Electrical
Services At Housing Building
Under Brunei Muara District,
Ministry Of Health

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**

 320 / CPC / 2026 / IKLAN /
HEALTH

 Supply, Delivery, Installation,
Testing And Commissioning Of
Handheld Ultrasound For Ministry
Of Health

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**

 BME / A2K / (1597) / 2026 / HTD
(A20)

 One-Time Preventive
Maintenance Of Automated DNA
Extraction System, Brand:
Promega, Model: Maxwell RSC
48 System, SN: 20001497,
BME29438 At Forensic Biology
Laboratory, Department Of
Scientific Services,
Ministry Of Health

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**

 BME / A2K / (1611) / 2026 / HTD
(B4)

 Replacement Of Hopkins
Telescope For Surgical
Videoscope System, BRAND:
KARL STORZ, BME15014, For
ENT Department, RIPASH

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**

 BME / A2K / (1614) / 2026 / HTD
(A20)

 Repair For One (1) Unit Of Water
Purification System, Brand: RSJ,
Model: RODI-220B, S/N:
1.20003BA, BME26988 At
Environment Laboratory,
Department Of Scientific Services

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**

 BME / A2K / (1629) / 2026 / HTD
(A20)

 To Repair One (1) Unit Of
Ultrapure Water Purification
System, Brand: ELGA, Model:
PURELAB Chorus 1 Complete
10BP At Toxicology Laboratory,
Department Of Scientific Services

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**

 BME / A2K / (1631) / 2026 / HTD
(A20)

 To Repair One (1) Unit Of Ultra
Performance Liquid
Chromatography Tandem Mass
Spectrometry (UPLC-MS/MS)
System, Brand: Waters, Model:
XEVO TQD At Toxicology
Laboratory, Department Of
Scientific Services

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**

 BME / A2K / (1632) / 2026 / HTD
(B4)

 To Supply And Delivery Spare
Parts For One (1) Unit Of Electric
Pen Drive System, Brand: DEPUY
SYNTHES At Operating Theatre
RIPAS Hospital

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**

 BME / A2K / (1633) / 2026 / HTD
(A19)

 Repair One (1) Unit Of Carl Zeiss
Opmi Sensera Microscope,
SN: 6628503945, BME6168
(WO: 2025-7544) In Operating
Theatre, SSBH

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**

 BME / A2K / (1638) / 2026 / HTD
(A21)

 One-Off Preventive Maintenance
For Six (6) Units Of Renatron
Dialysis Reprocessing Machines
At Rimba Dialysis Centre

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**

 BME / A2K / (1639) / 2026 / HTD
(B9)

 To Supply, Deliver And Install
Spare Parts For One (1) Unit Of
Midmark Autoclaves, Model: M9,
BME9628 (S/N: V1349580) At
Sungai Asam Clinic, CRR Room
For Department Of Dental
Services, Ministry Of Health

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**

 BME / A2K / (1628) / 2026 / HTD
(A20)

 One Off Preventive Maintenance
Services For One (1) Unit Of Auto
Disintegrator Equipment, Brand:
Pharma Test, Model: PTZ AUTO
3EZ, S/N: 20222, BME17822, At

 Pharmacy Section,
Department Of Scientific Services

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**

 BME / A2K / (1620) / 2026 / HTD
(A17)

 One Off PPM For Thirty-One (31)
Units Of Vortex Mixers In
Department Of Lab Services,
Ministry Of Health

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**

 BME / A2K / (1616) / 2026 / HTD
(A17)

 One-Off PPM For Thirty-Nine (39)
Units Of Incubator, Drying Oven,
And Dry Block Incubator In
Department Of Lab Services,
Ministry Of Health

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**

(11) PIHMH / KEW / 008

 To Supply And Installation Medical
Vacuum Pump With All
Accessories Necessary
Requirement For Male Ward,
Female Ward And Pediatric /
Isolation Ward, Hospital Pengiran
Isteri Hajjah Mariam (PIHM),
Temburong

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**

PPS / QTN / 24 / 2026

 1/ Nicotine 25mg patch, Qty: 950 x
7's
2/ Propranolol 40mg oral solid
preparation preferably scored
tablet, Qty: 50 x 1000's

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**

PPS / QTN / 25 / 2026

 1/ Nicotine 15mg patch,
Qty: 1,300 x 7's
2/ Coal tar solution BP
(liquor Picis Carbonis),
Qty: 25 x 1 liter

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**

PPS / QTN / 26 / 2026

 1/ Hydrocortisone 0.5% ointment,
Qty: 1,800 x 15g-30g
2/ Glucose (dextrose) Fast Acting
Chewable Tablet 4g Glucotab or
its equivalent, Qty: 800 x 10's

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**

PPS / QTN / 27 / 2026

 1/ Lamivudine 10mg/ml oral liquid
preparation, Qty: 3 x 240ml
2/ Hydroxyzine 25mg oral solid
preparation preferably tablet,
Qty: 3,000 x 28's

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**

PPS / QTN / 28 / 2026

 1/ Mirtazapine 30mg oral solid
preparation preferably scored
table, Qty: 1,000 x 30's
2/ Cefotaxime 1gm Injection, Qty:
10 x 25's

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**

PPS / QTN / 29 / 2026

 1/ Probenecid 500mg oral solid
preparation preferably tablet, Qty:
100 x 100's

 2/ Streptokinase 1,500.000iu
injection, Qty: 20 vials

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**

PPS / QTN / 30 / 2026

 1/ Premix Potassium Chloride 20
mmol in normal saline for
intravenous 500ml container,
Qty: 800 x 500ml
2/ Premix Potassium Chloride
10mmol in water for injection for
intravenous use in 100ml bag
(preferably with a good shelf life
of at least 18 months),
Qty: 600 x 100ml

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**

PPS / QTN / 31 / 2026

 1/ Sugammadex 100mg/ml
solution for injection,
Qty: 30 x 10's

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**

 (05) IKLAN-QTN / UPP.HRIPAS /
2026 / ORL

 Supply And Deliver Of Restylane
Disposable Medical Items For
Otorinolaryngology Department
At Raja Isteri Pengiran Anak
Saleha Hospital

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**

 (06) IKLAN-QTN / UPP.HRIPAS /
2026 / ICU

 Supply And Delivery Of ECG
Cable For Intensive Care Unit
(ICU) At Raja Isteri Pengiran
Anak Saleha Hospital

Yuran Tawaran:

BND 5.00

Tarikh Tutup Sebut Harga:

 Sabtu
25 April 2026
Jam 2.00 Petang

**PUSAT PENGURUSAN
BENCANA KEBANGSAAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**
Bilangan dan Tajuk Tawaran:

 (27) NDMC / TSH / 2025-2026
Sebut Harga Pembekalan Alat
Ganti Baharu Serta
Pemasangan Sistem Brake
Actuator ASSY
Bagi Kenderaan National Disaster
Management Centre (NDMC)
Toyota Hilux BG3800

Tarikh Tutup Tawaran:

 5 Mei 2026
Jam 2.00 Petang

**JABATAN BELIA DAN SUKAN
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**
**Bilangan dan Keterangan
Tawaran:**

 (23) JBS / ADM / QC / 2026
Mechanical and Electrical Term
Maintenance for a Period of
Thirty-Six (36) Months for:
1. Track and Field, HBNSC
2. National Tennis Court, HBNSC

**Bilangan dan Keterangan
Tawaran:**

 (24) JBS / ADM / QC / 2026
Urgent Adhoc For Mechanical and
Electrical Term Maintenance for a
Period of Thirty – Six (36) Months
for All Sports Complex Building
(Brunei Muara District)

**Bilangan dan Keterangan
Tawaran:**

 (27) JBS / ADM / QC / 2026
Mechanical and Electrical Term
Maintenance for a Period of Thirty
– Six (36) Months for:
1. Games Village and Marching
Field (Padang Kawad), HBNSC
2. Hockey Stadium
3. Squash Centre, HBNSC
4. Lawn Ball, HBNSC
5. Petanque Court, HBNSC
6. Top Spinning Court
(Gelanggang Gasing)
HBNSC

**Bilangan dan Keterangan
Tawaran:**

 (28) JBS / ADM / QC / 2026
2 Years Laundry Contract
Services for Sports Medicine and
Research Centre

**Bilangan dan Keterangan
Tawaran:**

 (29) JBS / ADM / QC / 2026
Mechanical and Electrical Term
Maintenance for A Period of
Thirty-Six (36) Months for Menglait
Sports Complex and Sungai
Kebun Sport Complex

**Bilangan dan Keterangan
Tawaran:**

 (31) JBS / ADM / QC / 2026
Membekalkan Mini Pool Table,
7 Ft Fordable Legs KSP-10,
(size: 213 x 119 x 79)

Yuran Tawaran:

BND5.00

Tarikh Tutup:

 Khamis,
30 April 2026




جوالن ساليينن كمبر ٢ ديكيئل

JUALAN SALINAN GAMBAR-GAMBAR DIGITAL



HARGA JUALAN

Penjualan harga bagi satu gambar digital adalah BND20.
Penjualan cd sekeping adalah BND1. Penjualan satu gambar digital dan satu keping cd adalah BND21.
(Gambar-gambar yang hanya melibatkan ahli kerabat Diraja tidak akan dijual).

TEMPAT MENERIMA TEMPAHAN GAMBAR/ MENERIMA BAYARAN

Kaunter Unit Fotografi bagi menerima tempahan gambar dan tempat menerima pembayaran Kaunter Unit Kewangan, Jabatan Penerangan.

JENIS-JENIS

Penjualan salinan gambar-gambar digital yang terdapat dalam laman galeri Infofoto (www.infofoto.gov.bn) dan juga gambar-gambar yang terdapat dalam simpanan jabatan yang diambil oleh warga Jabatan Penerangan.

IBU PEJABAT JABATAN PENERANGAN

JABATAN PENERANGAN,
JABATAN PERDANA MENTERI,
LAPANGAN TERBANG LAMA,
BERAKAS, BB3510,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TALIAN : 2383400

FAKS : 2382242

GAMBAR BOLEH DIBELI MELALUI:
KAUNTER UNIT FOTO, ARAS BAWAH,
BANGUNAN ASAL JABATAN PENERANGAN

WAKTU PERNIAGAAN

Isnin - Khamis

8.00 Pagi – 12.00 T/hari

2.00 Ptg – 3.00 Ptg

Sabtu

8.00 Pagi – 11.00 Pagi



InfoDeptBN



Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Brunei Darussalam



infodept.bn



infodept_bn

HARI RAYA ABLE ERATKAN SEMANGAT KEBERSAMAAN, INKLUSIVITI KOMUNITI



Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah

JERUDONG, Sabtu, 11 April. - Persatuan Sindrom Down (Ability Build Through Learning and Experience – ABLE) Brunei telah mengadakan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri ABLE dalam suasana penuh kemeriahan dan keakraban, bertempat di Parkview Hotel, malam tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Yang Dipertua Persatuan ABLE, Awang Tuning bin Haji Jais.

Dalam ucapannya, beliau menekankan bahawa sambutan tersebut bukan sekadar acara tahunan, malah menjadi platform penting bagi Ahli-ahli ABLE termasuk ahli-ahli kehormat (individu dengan Sindrom Down) serta para ibu bapa dan penjaga untuk menggalakkan mereka berinteraksi bersama rakan sebaya serta masyarakat umum.

Selain itu, majlis tersebut juga untuk memastikan hak-hak



SAMBUTAN majlis tersebut diadakan dengan pelbagai aktiviti bagi memeriahkan suasana (atas dan atas kiri).

Ahli-ahli ABLE terlaksana di Negara Brunei Darussalam.

Dalam ucapan beliau juga mengucapkan terima kasih kepada semua penyumbang, para NGOs dan sokongan yang telah diberikan kepada persatuan Orang Kelainan Upaya (OKU) di negara ini.

Majlis berkenaan turut membuka ruang kepada para ibu bapa dan warga persatuan untuk mengeratkan hubungan

silaturahim, di samping berkongsi pengalaman serta sokongan dalam menguruskan anak-anak istimewa yang dilahirkan dengan Sindrom Down.

Suasana sambutan jelas terpancar dengan keceriaan apabila pelbagai aktiviti diadakan bagi memeriahkan majlis.

Antaranya termasuk penyampaian sampul surat kepada ahli-ahli kehormat, cabutan

bertuah serta persembahan nyanyian yang dipersembahkan oleh ahli-ahli kehormat.

Secara keseluruhannya, Sambutan Hari Raya ABLE ini berjaya mencapai matlamatnya dalam memupuk semangat kebersamaan, inklusiviti dan kasih sayang dalam komuniti, sejajar dengan nilai-nilai murni yang dibawa oleh perayaan Hari Raya itu sendiri.

KOTIBA meriahkan Sambutan Hari Raya Aidilfitri

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

SALAMBIGAR, Sabtu, 11 April. - Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1447 Hijrah Koperasi Persatuan TIBA (KOTIBA) Dengan Tanggungan Berhad bagi pekerja-pekerja Stesen Minyak KOTIBA bersama Ahli-ahli Lembaga KOTIBA Sesi 2025-2026 dan Ahli-ahli Jawatankuasa Kecil KOTIBA diadakan malam tadi di

Dewan Mahligai Al-Barakah Ballroom, Mid Valley, Kampung Salambigar.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pengerusi KOTIBA, Awang Haji Matassan bin Haji Bungso.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah oleh Pengerusi Jawatankuasa Kecil Kebajikan dan Keagamaan

KOTIBA, Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang, seterusnya disusuli dengan ucapan Awang Haji Muhsin bin Haji Ahmad selaku Pengerusi Majlis.

Awang Haji Muhsin dalam ucapannya antara lain menggariskan bahawa acara tahunan ini adalah bagi menghargai pekerja-pekerja Stesen Minyak KOTIBA.

Beliau juga menjelaskan bahawa objektif sambutan adalah untuk mengeratkan lagi tali persaudaraan dan silaturahim dan menghargai pekerja-pekerja Stesen Minyak KOTIBA dan Ahli-ahli Lembaga KOTIBA Sesi 2025-2026.

Acara kemudiannya diteruskan dengan ucapan daripada tetamu kehormat, yang antara lain menjelaskan bahawa sambutan Hari Raya Aidilfitri bukanlah sekadar kemenangan kerana berjaya mengawal nafsu makan dan minum pada siang hari sepanjang bulan Ramadan, tetapi kemenangan yang sebenar ialah apabila diri mampu menghalang daripada melakukan sebarang perkara yang dilarang.

"Di Aidilfitri inilah kesempatan terbaik untuk saling melupakan semua perselisihan dan tidak kesepaduan seterusnya mengukuhkan kerjasama di antara individu dan bahagian kerja,"

tambahnya lagi.

Seterusnya, majlis diselenggarakan dengan penyampaian sagu hati sebagai tanda penghargaan kepada Mantan Ahli-ahli Lembaga Koperasi dan Warga Emas Pemegang - pemegang Saham KOTIBA yang berusia 80 tahun dan ke atas.

Ia turut diserikan lagi dengan persembahan daripada pekerja-pekerja Stesen Minyak KOTIBA dan diselangi dengan acara cabutan hadiah bertuah.

Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri KOTIBA diakhiri dengan nyanyian beramai 'Selamat Hari Raya Aidilfitri' dan sesi bergambar ramai.



SEKITAR Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1447 Hijrah Koperasi Persatuan TIBA (KOTIBA) Dengan Tanggungan Berhad (atas dan bawah).





MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Ketagihan Telefon Pintar Dalam Kalangan Remaja'. Tarikh Tutup : 15 April 2026
2. 'Kesedaran Autisme Dalam Masyarakat Moden'. Tarikh Tutup : 22 April 2026
3. 'Peranan Masyarakat Dalam Melindungi Kemudahan Awam'. Tarikh Tutup : 29 April 2026

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

**Menangi
BND75**
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

MENGUKUHKAN PERPADUAN DALAM KALANGAN MASYARAKAT

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Ihsan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Bunut



PENGHULU Mukim Kilanas, Awang Ahmad Hussaini bin Haji Mohsin hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya bergambar ramai bersama yang hadir (kiri dan atas).

BUNUT, Ahad, 12 April. - Bulan Syawal terus dimeriahkan dengan pelbagai Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri yang dianjurkan bagi mengeratkan silaturahmi serta memupuk semangat kebersamaan dalam kalangan masyarakat di negara ini.

Dalam sama-sama berkongsi kegembiraan meraikan Hari Raya, Ahli Jawatankuasa (AJK) Takmir Masjid Kampung Bunut, Majlis Perundingan Kampung (MPK) Bunut Perpindahan, MPK Tasek Meradun dan Bunut serta MPK Madewa dan Telanai, malam tadi menganjurkan Majlis Ramah Mesra Hari Raya Aidilfitri 1447 Hijrah / 2026 Masihi bertempat di perkarangan Masjid Kampung Bunut, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Penghulu Mukim Kilanas, Awang Ahmad Hussaini bin Haji Mohsin.

Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Kampung Bunut, Awang Haji Shari bin Awang Murat selaku Pengerusi Majlis dalam ucapan alu-aluannya antara lain berkata, Majlis Ramah Mesra Hari

Raya berkenaan adalah merupakan salah satu program tahunan yang dianjurkan bersama AJK Takmir Masjid Kampung Bunut, MPK Bunut Perpindahan, MPK Tasek Meradun dan Bunut serta MPK Madewa dan Telanai.

Jelasnya, pengajuran acara berkenaan bertujuan untuk mengeratkan dan mengukuhkan silaturahmi dalam kalangan para penduduk kampung di sekitar Masjid Kampung Bunut, di samping secara tidak langsung juga memupuk semangat kerja berpasukan dalam kalangan sesama penduduk, terutama bagi melaksanakan kerja-kerja yang berkebakikan.

"Kerja berpasukan mempunyai banyak kelebihan kerana ia saling bergantung dari segi kerjasama, keupayaan, kemahiran, pengetahuan serta komitmen dan bersedia untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab secara bersama.

"Peranan AJK juga amat penting untuk memberikan kerjasama dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti masjid bagi

memperoleh kejayaan dan kecemerlangan," ujarnya lagi.

Majlis juga diserikan dengan persembahan Tausyeh daripada Kumpulan Belia Masjid Kampung Bunut.

Acara turut menyaksikan penyampaian cenderamata penghargaan kepada imam dan beberapa orang AJK takmir yang pernah berkhidmat di Masjid Kampung Bunut, yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Majlis seumpama berkenaan bukan sahaja menjadi platform untuk saling bermaaf-maafan, malah turut mengukuhkan perpaduan dalam kalangan masyarakat tanpa mengira latar belakang selain memberi peluang kepada penduduk kampung untuk berkumpul dan beramah mesra.

3 kereta terbiar berjaya dikenal pasti

Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Daerah Brunei dan Muara



OPERASI Sepadu dijalankan di kawasan Masjid Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah, Kampung Bolkiah (atas, atas kiri dan kiri).

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 11 April. - Jabatan Daerah Brunei dan Muara melalui Bahagian Perlesenan dan Penguatkuasaan telah melaksanakan satu Operasi Sepadu bagi menangani isu kenderaan terbiar.

Operasi ini dijalankan dengan kerjasama Jabatan Pengangkutan Darat serta pihak NGO yang terlibat.

Sasaran operasi kali ini adalah di

kawasan Masjid Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah, Kampung Bolkiah.

Hasil pemeriksaan mendapati sebanyak tiga buah kenderaan yang telah lama terbiar berjaya dikenal pasti.

Tindakan penguatkuasaan diambil selaras dengan Akta Kesalahan - kesalahan Kecil, Penggal 30 Bab 12(1)(f)(i), yang memperuntukkan kesalahan bagi meninggalkan atau membiarkan

kenderaan di tempat awam sehingga mendatangkan gangguan, bahaya atau menjejaskan kebersihan.

Pelaksanaan operasi ini bertujuan untuk memastikan kebersihan dan keselamatan kawasan awam; Mengelakkan risiko pencemaran alam sekitar akibat kenderaan yang tidak diuruskan dan meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai tanggungjawab pemilik kenderaan.

Jabatan Daerah Brunei dan Muara menekankan bahawa tindakan bersepadu ini akan diteruskan dari semasa ke semasa bagi memastikan kawasan awam bebas daripada kenderaan terbiar serta menyokong usaha kerajaan dalam menjaga kesejahteraan masyarakat.

Pihak jabatan juga ingin memohon kerjasama orang ramai untuk menyalurkan sebarang maklumat mengenai pembuangan sampah yang menyalahi undang - undang dengan menyertakan alamat lokasi berserta gambar-gambar melalui permesan WhatsApp +673 8321581.



قېبارن دعوه إسلاميه مالوئي سني بينا بالاي خزانه إسلام سلطان حاج حسن البلقية



سباکاي کسيمقون، سني بينا إسلام منيتيقبرنکن اسفيک فيزيکل دان برقران سباکاي ميديوم دعوه يغ ممباوا نيلاي ۲ کايمنان دان کتقوان کفد الله سبحانه وتعالی. مالوئي فقونان ايليمن ۲ سفرتي ورنه قوتيه، منارا، قبه دان ريک بنتوق کيوميتري، باغونن بالاي خزانه إسلام جلس منچرمينکن کایندهن يغ برترسکن عقیده دان شريعة إسلام. ستياف ايليمن منجادي سيمبوليک کفد کيسرن الله، فرجواغن توكوه ۲ إسلام سرتا کفنتيشن عبادة دالم كهيدوقن سهارين. جوسترو، سني بينا إسلام بوکن سهاج مفراننده ستروکتور باغونن، ماله منجادي لامبغ ککميلغن تمدون إسلام دان واده قيبيرن دعوه يغ برکسن سفنجع زمان.

اورغ راماي يغ برمينت اونتوق مليهت دغن لبيه دکت سني بينا يغ دجلسکن داتس بوليهله مغونجوغي بالاي خزانه إسلام سلطان حاج حسن البلقية. بالاي خزانه إسلام دبوک کفد اورغ راماي ستياف هاري کچوالي هاري جمعة. لاوتن ترسبوت ممبري فلواغ کفد فقونجوغ اونتوق مغنلي، مغيحياتي دان مغيرکاي واريشن إسلام.

ايليمن کدوا قولاداله منارا يغ

دکوناکن اوليه ساورغ مؤاذين سباکاي تمثت اونتوق ملاءوغکن اذان افايلا وقتو صلاة تيبا سکاليکوس ممثکيل اومت إسلام اونتوق مفرجان صلاة فرض ليم وقتو. باغونن بالاي خزانه إسلام ميليقني امثت تياغ منارا يغ ملامبغکن امثت اورغ قيميقين إسلام خلفاء الراشدين دان اين منونجوککن کفد فرجواغن خلفاء الراشدين دمي ممرتبکن إسلام دري سودوت اوسها فقهميقونن القران، سيستم قوليتيک، قيبيرن اکام إسلام دان لايين ۲.

ايليمن کتيک ايله قبه يغ برنتوق سفيرا يغ دليقتکن داتس باغونن دان برفوغسي سباکاي بومبوغ. قبه اين سالون دهياسي دغن کاج يغ مهبواتکن سينرن جهاي ماتاهاري تمبوس ماسوق کدالم باغونن. سلاين ايت، قبه جوک برقران اونتوق مهبوات فنتولن سوارا سواقاي تردغر لبيه برکما. حال اين مهبواتکن لايوغن اذان اتاو ذیکير تردغر لبيه پاريف دان مپنتوه هاتي.

باکي ملغشکن کایندهن سواتو بينان، کونسيث کيوميتري سالو دکوناکن دالم سني بينا إسلام سفرتيمان يغ دکوناکن قد باغونن بالاي خزانه إسلام، فقونان بنتوق کيوميتري اداله برتوجوان اونتوق مغلقت دري فقونان ايليمن برپاوا باکي مغلقت قيميقين سلاين درقد الله سبحانه وتعالی. بنتوق کيوميتري اين جوک سريف دکوناکن قد مانوسکريف، تيکستيل، کايو دان سباکايين.

Oleh : Siti Norol Hafizah @ Siti Nor'ain Haji Zulkifle dan Siti Safwanah Rashid dengan kerjasama Meja Rencana, Seksyen Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei
Foto : Mohammad Rafie Haji Roslan dari Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah

ورنا قوتيه بايق دسبوتکن ددالم القران دان حديث رسول الله ﷺ سفرتي برايکوت:

يَوْمَ تَبْيَضُ وُجُوهٌُ وَتَسْوَدُ وُجُوهٌُ فَأَمَّا الَّذِينَ اسْوَدَّتْ وُجُوهُهُمْ أَكْفَرْتُمْ بَعْدَ إِيمَانِكُمْ فَذُوقُوا الْعَذَابَ بِمَا كُنْتُمْ تَكْفُرُونَ

ارتين: (ايغتلله اکن) هاري (قيامة يغ قادن) اد موک (اورغ ۲) منجادي قوتيه برسري، دان اد موک (اورغ ۲) منجادي هيتم لکم. اداقون اورغ ۲ يغ تله هيتم لکم موکن، (مريک اکن دتاش سچارا منمقلق): "فاتوتکه کامو کفور ايغکر سسوده کامو برايمان؟ اوليه ايت راسله عذاب سيقسا نراک دسبکن ککفورن کامو ايت."

ايات القران اين مپاتاکن فريذاقن انتارا ورنه قوتيه دان هيتم. ورنه قوتيه قد هاري قيامة کلقت ملامبغکن واجه اورغ ۲ برهاکيا دان قوتيه برسري-سري ياييت اورغ ۲ يغ برايمان کفد الله سبحانه وتعالی دان رسولن، ماناکالا ورنه هيتم قولادالمبغکن واجه اورغ ۲ چلاک ياييت يغ مندوستاکن رسولن دان ملغکر فرينتهن. رسول الله ﷺ برسبدا:

حَوْضِي مَسِيرَةَ شَهْرٍ ، مَاؤُهُ أَيْضُ مِنْ

اللَّبَنِ ...

ارتين: "تلاککو (ليبر دان فنجغش) سجاوه فرجالنن ساتو بولن، ايرن قوتيه درقد سوسو..."

دعوه إسلاميه مروفاکن سواتو سروان اونتوق ميبيرکن، مفرلواسکن دان ممفرواکن اکام إسلام دالم قيمبنتوقن سرتا فقوکوهن عقیده قوم مسلمين. قيبيرن دافت دلاکوکن دغن فلباکاي قاعده سفرتي مالوئي فرکاتان، قنوليسن ماهوقون فربواتن. سباکاي چونته، قيميناغ باغونن يغ برعنصورکن سني بينا إسلام جوک مروفاکن ساله ساتو چارا اونتوق منيغکنکن لاکي کايمنان دان کتقوان کفد الله سبحانه وتعالی.

اداقون سني بينا باغونن إسلام تربهاکي کفد تيک ياييت عماره مدنية؛ قيميناغ باندر دان کودغ، عماره دينية؛ قيميناغ مسجد اتاو تمثت عبادة لايين دان عماره حربية؛ قيميناغ بينتيغ، باغونن کنتتران دان منارا يغ کوکوه دان تاهن لاسق.

باغونن بالاي خزانه إسلام سلطان حاج حسن البلقية دکاتکورين سباکاي عماره دينية يغ مگکوناکن ايليمن ۲ سني بينا إسلام سفرتي منارا، قبه دان ريک بنتوق کيوميتري (ارابيسک). بالاي خزانه إسلام جوک مروفاکن دانتارا اکينسي کراجان دنکارا بروني دارالسلام يغ تله دتوبوهکن دان دفرتغکوغجوابکن دالم فقوروسن، قمليهارايين، قيليديقن سرتا قيبيرن واريشن خزانه إسلام.

انتارا ايليمن يغ دکوناکن دباغونن بالاي خزانه إسلام اداله ورنه باغونن يغ چره اتاو ساکن-اکن قوتيه. ورنه قوتيه ملامبغکن کسوجين دان مروفاکن ورنه اساس يغ بلوم برچمفور دغن ورنه ۲ لايين.



Patuhi keselamatan semasa berbasikal

Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail

Foto : Jabatan Penerangan

Infografik : Amdelah Haji Tujoh, Seksyen Reka Kreatif, Bahagian Pelita Brunei

TIDAK siapa mempertikaikan bahawa berbasikal ialah satu hobi yang menyihatkan malah, ia turut menyumbang kepada pengurangan pencemaran dan menggalakkan gaya hidup aktif. Bagaimanapun, pengguna jalan raya, khususnya penunggang basikal, perlu menyedari bahawa tidak semua jalan sesuai untuk aktiviti berbasikal. Apabila penunggang basikal berada di laluan sempit, sibuk dan berbahaya seperti lebuh raya, risiko terhadap keselamatan mereka serta pengguna lain meningkat dengan ketara. Oleh itu, penunggang basikal disarankan untuk mengikut peraturan lalu lintas dan berhati-hati ketika berada di jalan raya untuk mengelakkan konflik dengan pengguna jalan raya yang lain atau berhadapan dengan masalah jalan yang digunakan seperti jalan yang berlubang.

Isu serta langkah keselamatan

Kita sebagai pengguna di jalan raya setentunya memaklumi bahawa jalan raya lebih-lebih lagi laluan utama seperti lebuh raya direka bentuk untuk pergerakan laju dan kenderaan berat. Tidak dinafikan had laju bagi sesebuah kenderaan yang bergerak di lebuh raya boleh mencapai sehingga lebih 120 km/jam. Inilah yang membimbangkan bagi penunggang-penunggang basikal yang berbasikal di kawasan tersebut kerana sedikit kecuai akan melibatkan nyawa

sebagai taruhannya.

Isu berkaitan dengan penunggang basikal sudah lama menjadi perhatian orang ramai apabila kes kemalangan yang melibatkan penunggang basikal semakin mendapat liputan meluas lebih-lebih lagi melalui aplikasi seperti WhatsApp yang sangat mudah dan cepat untuk disebar. Bagi menangani isu ini, Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR) telah merangka beberapa langkah jangka pendek termasuk memperkenalkan larangan berbasikal di semua lebuh raya serta jalan utama yang mempunyai had laju melebihi 65 kilometer sejam.

Selain itu, MKKJR juga mencadangkan penyediaan laluan berbasikal terpilih di setiap daerah serta pengemaskinian garis panduan berbasikal bagi meningkatkan keselamatan pengguna jalan raya.

Perkara tersebut dimaklumkan oleh Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha bagi menjawab isu kemalangan jalan raya yang melibatkan penunggang basikal. Perkara tersebut dibincangkan pada hari ke-10 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini pada 26 Mac lepas.

MKKJR juga menasihatkan kepada

orang ramai terutama sekali kepada penunggang-penunggang basikal mengenai kawalan keselamatan pengguna basikal di Jalan raya yang bertujuan untuk mengurangkan risiko kemalangan jalan raya yang melibatkan kematian khususnya bagi penunggang-penunggang basikal.

Dari statistik kemalangan yang melibatkan kehilangan nyawa khususnya bagi penunggang-penunggang basikal semenjak 5 tahun kebelakangan adalah seramai enam orang, ini tidak termasuk mereka yang mengalami kecederaan serius yang memberi kesan kepada kehidupan individu dan keluarga. Perkara ini amatlah membimbangkan dan memerlukan tindakan-tindakan yang bersesuaian bagi mengelakkan perkara-perkara seperti ini berlaku.

MKKJR juga memaklumkan mengenai dengan cadangan larangan berbasikal yang melibatkan laluan-laluan jalan raya yang mempunyai had laju lebih daripada 65km/jam yakni jalan-jalan yang mempunyai had kelajuan 70km/jam, 80km/jam dan 100km/jam. Laluan-laluan Jalan raya ini telah dikenal pasti dan dikategorikan sebagai Laluan berisiko tinggi kepada penunggang - penunggang basikal. Laluan-laluan jalan raya ini adalah seperti berikut :-

- Lebuhraya Sultan Hassanal Bolkiah
- Lebuhraya Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah
- Lebuhraya Muara-Tutong
- Lebuhraya Tutong -Telisai
- Lebuhraya Telisai-Lumut
- Lebuhraya Lumut-Belait
- Lebuhraya Rimba
- Lebuhraya Tungku
- Lebuhraya Tungku Jerudong

Dalam pada itu, mana-mana acara dan kegiatan sukan berbasikal yang perlu menggunakan laluan-laluan tersebut boleh dipertimbangkan dan perlu menyediakan langkah-langkah keselamatan yang lengkap dan sesuai. Mana-mana acara dan kegiatan sukan berbasikal ini perlu mendapat sokongan daripada badan-badan sukan yang diiktiraf dan permohonan dihadapkan bagi pertimbangan MKKJR.

Bagi memastikan keselamatan kepada penunggang dan basikal yang digunakan,

pemilik basikal perlu memastikan peralatan dan basikal yang digunakan mempunyai ciri-ciri keselamatan termasuk menggunakan *roof rack carrier* (rak pembawa barang pada bumbung) pada kenderaan yang digunakan untuk membawa basikal. Basikal yang digunakan juga perlu mempunyai brek dan loceng sebagai ciri keselamatan dan mereka yang berbasikal dalam berkumpulan perlu mengayuh basikal dalam satu deretan.

Selain orang dewasa, kanak-kanak yang berbasikal di jalan raya juga menjadi fokus perbincangan sama ada mereka boleh berbasikal atau tidak. Secara umum tidak ada larangan bagi kanak-kanak untuk berbasikal tetapi mereka hendaklah berbasikal di kawasan yang benar-benar selamat untuk mereka seperti di kawasan taman atau rekreasi yang ada disediakan laluan untuk berbasikal. Ibu bapa juga memainkan peranan penting dalam memastikan keselamatan anak-anak mereka ketika berbasikal dengan memantau tempat dan di mana anak-anak ini melakukan aktiviti tersebut. Paling penting, pastikan mereka memakai helmet dan lampu keselamatan.

Kesimpulan

Sangat penting bagi semua pihak, terutama penunggang basikal untuk memahami batas dan tanggungjawab mereka di atas jalan raya, bersesuaian dengan aktiviti dan lokasi berbasikal. Kerana kecuai, kita tidak mahu hobi sihat seperti berbasikal akhirnya dipandang serong hanya kerana tindakan segelintir individu yang mementingkan diri sendiri.

Sikap tidak peduli tentang keselamatan sebegini bukan sahaja mencemarkan nama baik penunggang basikal, malah mewujudkan jurang antara pengguna jalan raya yang seharusnya saling menghormati dan bertimbang rasa. Sebaiknya biarlah setiap aktiviti yang dilakukan termasuk hobi dan gaya hidup membawa manfaat kepada diri sendiri dan orang di sekeliling kita. Justeru penunggang basikal dinasihatkan supaya sentiasa patuh kepada peraturan dan undang-undang yang ditetapkan demi menjamin keselamatan mereka dan pengguna jalan raya lain.

Sebagai nasihat kepada penunggang-penunggang basikal, disarankan beberapa garis pandu untuk menunggang basikal yang perlu dipatuhi sebelum dan semasa berada di jalan raya. Berikut beberapa tip-tip berbasikal yang boleh diamalkan untuk keselamatan. Antaranya ialah:

- Elak berbasikal di kawasan gelap atau berbahaya
- Memastikan keadaan tayar dan tekanan (pressure) tayar dalam keadaan baik
- Merancang laluan yang akan digunakan
- Pastikan brek tayar berfungsi dengan baik
- Pakai helmet setiap kali menunggang
- Guna lampu & pakaian cerah (ini semua adalah sebahagian daripada tip berbasikal penting)



Buat ketika ini dan sebagai tindakan jangka masa pendek, laluan-laluan alternatif aktiviti berbasikal yang diperkenalkan di empat-empat daerah adalah seperti yang tertera di bawah. Ini adalah sebagai langkah ke hadapan serta bagi menyokong gaya hidup sihat melalui aktiviti berbasikal. Laluan-laluan yang telah dikenal pasti tersebut akan disusuli dengan pelaksanaan pemasangan tanda-tanda jalan raya (road signage and marking).

Daerah	Rangkaian laluan alternatif untuk aktiviti berbasikal
Brunei dan Muara	i. Laluan Stadium (setiap hari); ii. Laluan BandarKu Ceria (BKC), dengan cadangan rangkaian berbasikal BKC diperluaskan. Laluan di sepanjang Jalan Perdana Menteri, Jalan Ong Sum Ping, Jalan Kebangsaan dan Jalan Menteri Besar, untuk diadakan pada setiap Rabu (malam) dari jam 8 malam hingga 12 malam sebagai projek rintis; iii. Laluan BandarKu Ceria (BKC), dengan cadangan rangkaian berbasikal BKC diperluaskan.
Tutong	Laluan Kawasan Bukit Bendera
Belait	Laluan menuju Kargo Dam, Jalan Labi
Temburong	Laluan Jalan Pekan Bangar



3 KRU KAPAL REPUBLIK INDONESIA DISELAMATKAN SELEPAS INSIDEN DI LAUT ARAB, PROSES BAWA PULANG SEDANG DIURUSKAN

JAKARTA, 12 April. - Tiga kru kapal warga Republik Indonesia berjaya diselamatkan dan kini sedang dibantu untuk dibawa pulang ke tanah air selepas terselamat dalam satu insiden melibatkan kerosakan kapal dagang MV Gold Autumn di Laut Arab, awal minggu ini.

Konsulat Jeneral Republik Indonesia (KJRI) di Karachi memaklumkan bahawa pihaknya telah menyediakan bantuan dan perlindungan kepada kru terbabit susulan insiden pada 7 April itu, yang berlaku kira-kira 200 batu nautika dari luar pesisir Republik Islam Pakistan sehingga menyebabkan kerosakan besar

pada kapal berkenaan.

KJRI Karachi segera mengambil langkah tindak balas selepas menerima maklumat awal dan melakukan penyelarasan dengan Kedutaan Republik Indonesia di Islamabad serta pihak berkuasa tempatan.

"KJRI Karachi segera melakukan proses pengambilan kru terlibat dan memberikan bantuan konsular, termasuk urusan dokumen perjalanan kecemasan," menurut satu kenyataan pada Sabtu.

Menurut KJRI Karachi, kapal yang mengibarkan bendera Panama dan dikendalikan oleh sebuah syarikat dari Republik Rakyat China itu dalam perjalanan dari Shanghai ke Oman ketika kejadian berlaku, sambil menambah bahawa punca letupan masih dalam siasatan pihak berkuasa.

Susulan insiden itu, Tentera Laut Republik Islam Pakistan menjalankan operasi menyelamat atas dasar kemanusiaan pada 8 April dan berjaya memindahkan kru

kapal, termasuk tiga warga Republik Indonesia berkenaan.

"Mereka telah menjalani pemeriksaan perubatan dan rawatan awal sebelum tiba di Pelabuhan Karachi pada 9 April pukul 1.30 tengah hari waktu tempatan," menurut kenyataan itu.

KJRI Karachi memaklumkan pihaknya sedang meneruskan penyelarasan dengan pihak-pihak berkaitan bagi memudahkan

keputusan kru berkenaan ke Republik Indonesia.

Konsulat itu juga menyatakan akan terus memantau perkembangan dan mengekalkan kerjasama erat dengan Kedutaan Republik Indonesia di Islamabad serta pihak berkuasa Republik Islam Pakistan bagi memastikan proses berkenaan berjalan dengan selamat dan lancar. - ©BERNAMA

2 maut, 14 cedera dalam letupan gudang di selatan Persekutuan Rusia

ISTANBUL, 11 April. - Dua orang maut manakala 14 yang lain cedera pada Jumaat dalam satu kejadian letupan di sebuah gudang di Bandar Vladikavkaz, selatan Persekutuan Rusia, lapor Ketua Republik Ossetia Utara-Alania Rusia melalui Telegram.

Menurut Anadolu Ajansi, satu kebakaran terdeteksi akibat letupan kuat di gudang yang terletak di Partizansky Lane itu, katanya.

Kementerian Situasi Kecemasan wilayah melaporkan yang kebakaran itu merebak ke kawasan seluas kira-kira 750 meter persegi.

Seramai 63 anggota bantuan kecemasan dan 18 unit peralatan dikerahkan ke lokasi kejadian, menurut kementerian itu.

Jawatankuasa Siasatan Rusia membuka kertas siasatan jenayah berhubung kes ini, lapor agensi berita kerajaan, Tass. - ©BERNAMA

Republik Turkiye, Arab Saudi selesai isu visa transit selepas pertikaian sedekad

ISTANBUL, 11 April. - Republik Turkiye berjaya mendapatkan visa transit bagi pemandu trak komersialnya yang menghantar barangan ke rantau Teluk melalui Arab Saudi, sekali gus membuka semula laluan perdagangan darat penting selepas 10 tahun berdepan halangan diplomatik dan logistik, kata Menteri Perdagangan Republik Turkiye Omer Bolat.

Menurut Anadolu Ajansi, Bolat menyifatkan perkembangan itu sebagai satu kejayaan besar ketika berucap pada sidang kemuncak e-dagang dalam era Kecerdasan Buatan (AI) di Istanbul pada Jumaat.

"Hubungan Turkiye dan Arab Saudi adalah sangat baik dan walaupun isu visa transit berlarutan sejak sedekad lalu, ia kini diselesaikan mulai Khamis, sekali gus membolehkan pemandu trak Turkiye bergerak ke rantau Teluk menggunakan visa transit Arab Saudi," katanya.

Penyelesaian isu visa ini

berlaku pada waktu penting bagi rantaian bekalan global susulan konflik ketenteraan berterusan di Asia Barat yang menjejaskan perdagangan maritim.

Bolat berkata logistik darat melalui Republik Turkiye kini menjadi semakin penting dalam situasi semasa, memandangkan negara itu berfungsi sebagai jambatan geografi semula jadi ke Eurasia.

Beliau turut menyatakan harapan agar gencatan senjata selama 15 hari di rantau itu dapat dikekalkan dan berkembang menjadi kestabilan berkekalan, kerana ekonomi global bergantung kepada keamanan bagi mengelakkan kejutan bekalan serta kenaikan harga berpanjangan.

Selain perjanjian transit dengan Arab Saudi dalam agenda logistik, Bolat berkata sektor e-dagang domestik Republik Turkiye mencatat lonjakan ketara daripada hanya 5.0 peratus daripada jumlah

perdagangan negara kepada 20 peratus berdasarkan data terkini.

Peningkatan pesat digitalisasi ini menjadikan syarikat Republik Turkiye sebagai sasaran menarik bagi pelabur antarabangsa yang mencari pusat stabil antara pasaran Barat dan Republik Rakyat China.

Bolat berkata mesyuarat peringkat tinggi baru-baru ini di Portugal dan Brussels menunjukkan keyakinan kukuh dan semakin meningkat terhadap ekonomi Republik Turkiye.

Beliau turut memaklumkan yang Portugal sedang aktif menarik kontraktor Republik Turkiye untuk menyertai bidaan projek infrastruktur dan perumahan awam bernilai 60 bilion (US\$70.2 bilion).

Beliau berkata Kesatuan Eropah juga semakin berminat untuk menjalin kerjasama dengan industri pertahanan Republik Turkiye yang berkembang pesat. - ©BERNAMA

Kerajaan Republik Korea Selatan salur bantuan tunai hujung bulan ini susulan krisis Asia Barat

SEOUL, 11 April. - Bantuan tunai untuk 70 peratus golongan berpendapatan terendah akan mula disalurkan lewat bulan ini, umum kerajaan pada Sabtu, sebagai sebahagian daripada usaha untuk mengurangkan tekanan kewangan yang disebabkan oleh kenaikan harga minyak, lapor Agensi Berita Yonhap.

Bantuan itu akan mula diagihkan kepada golongan paling rentan dalam kumpulan pendapatan tersebut bermula 27 April dan diperluas kepada kumpulan layak yang lebih luas pada 18 Mei.

Kira-kira 32.5 juta orang layak menerima bantuan itu, dengan bayaran antara 100,000 won (US\$67.30) hingga 600,000 won bagi setiap orang, bergantung kepada tahap pendapatan dan wilayah.

Perhimpunan Kebangsaan meluluskan rang undang-undang bajet tambahan sebanyak 26.2 trilion won pada hari sebelumnya bagi menangani kesan ekonomi daripada konflik Asia Barat yang sedang berterusan.

Awal hari ini, Kabinet menyemak dan meluluskan rang undang-undang berkenaan, dan

Perdana Menteri Kim Min-seok berkata kerajaan akan melaksanakan bajet itu dengan cara yang pantas dan berkesan.

Program bantuan tunai itu, yang diperuntukkan sebanyak 6.1 trilion won, adalah sebahagian daripada pakej tersebut.

Penerima boleh mengumpul dana dalam bentuk kad debit, kad bayaran atau kad hadiah beli-belah wilayah. Wang itu mesti dibelanjakan menjelang 31 Ogos, dan sebarang jumlah yang tidak digunakan akan dikembalikan kepada kerajaan. - ©BERNAMA

Isyarat awal di Pasifik Tropika cetus kebimbangan "Super El Nino" berimpak global

LOS ANGELES, 11 April. - Laporan baharu mengenai tinjauan bermusim daripada Pusat Ramalan Iklim Pentadbiran Lautan dan Atmosfera Kebangsaan (NOAA) Amerika Syarikat (AS) dan Pusat Ramalan Cuaca Julat Sederhana Eropah mengesan isyarat pemanasan penting yang, jika bertambah kuat, boleh memberi impak besar kepada Selatan California dan seluruh dunia, lapor Xinhua.

Pakar kaji cuaca menyatakan peningkatan haba lautan di sepanjang khatulistiwa ketika ini boleh menjadi petanda kepada fenomena El Nino yang luar biasa kuat pada lewat tahun ini.

Agensi AS itu menyebut corak iklim itu boleh meningkatkan kemungkinan cuaca lebih lembap dan beribut di Selatan California serta bahagian lain di wilayah Barat, selain mencetuskan kesan berangcai yang boleh menjejaskan musim taufan Lautan Atlantik dan sistem cuaca sejauh sehingga Asia Tenggara.

Agensi berkenaan mentakrifkan El Nino dan La Nina sebagai fasa bertentangan bagi Ayunan Selatan El Nino, atau ENSO. El Nino cenderung mengalihkan laluan ribut musim sejuk ke selatan, meningkatkan peluang keadaan lebih lembap daripada biasa di Selatan California, manakala La Nina sering menolak ribut ke utara, meningkatkan kemungkinan tempoh kering yang lebih lama.

Bagi penduduk Selatan California, kebimbangan terbesar bukanlah hujan sehari, tetapi ribut berintensiti tinggi berulang kali yang dibawa oleh El Nino, yang boleh melimpahi sistem saliran dan menyebabkan cerun gersang menjadi tepu air.

Suruhanjaya Pantai California memberi amaran yang kesan kebakaran hutan dan rupa bumi yang kering serta curam boleh runtuh dengan cepat, mengakibatkan lumpur, batu dan tumbuh-tumbuhan menggelongsor ke arah komuniti di bawahnya, manakala ribut kencang di laut dalam boleh mendorong ombak berbahaya serta menyebabkan hakisan pantai dan tebing.

Dalam peristiwa El Nino yang lepas, hujan berselang-seli antara ribut lebat dan tempoh kering yang panjang, satu ayunan yang juga boleh merumitkan perancangan mengekang kebakaran hutan.

Apabila El Nino melonjak ke kategori paling kuat, "Ia pada dasarnya adalah peringkat tertinggi dalam peristiwa El Nino," kata Jonathan O'Brien, pakar meteorologi di Perkhidmatan Hutan AS, kepada Los Angeles Times.

Menurut Pentadbiran Aeronautik dan Angkasa Kebangsaan (NASA), bagi Selatan California, peristiwa El Nino yang kuat meningkatkan paras laut dan kerpasan melampau, yang membawa kepada banjir kilat di pesisir pantai serta risiko banjir di kawasan pedalaman sepanjang pantai California.

Tinjauan Geologi California juga memberi amaran bahawa musim sejuk El Nino boleh mengakibatkan taburan hujan melebihi paras normal di Selatan California, membawa kepada peningkatan kejadian gelinciran lumpur, tanah runtuh yang menyekat jalan dan aliran puing yang membawa bencana susulan hujan lebat El Nino.

Di luar California, Pertubuhan Meteorologi Sedunia (WMO) menyatakan El Nino memberi impak ketara kepada sistem cuaca di seluruh dunia apabila perairan Pasifik yang lebih panas membebaskan haba ke atmosfera, mengalihkan arus jet dan laluan ribut, mengubah peredaran atmosfera di barat Pasifik, melemahkan Peredaran Walker, serta mengalihkan corak perolakan yang boleh mempengaruhi sistem monsun Asia Timur dan Asia Tenggara.

Dengan berbekal beberapa bulan sebelum musim sejuk, atas faktor keselamatan, pegawai awam menggesa penduduk Selatan California untuk bersiap sedia menghadapi cuaca ribut dengan menyemak semula pelan pemindahan bagi kawasan di bawah bekas kebakaran hutan, menyediakan beg pasir dan bekalan kecemasan, serta membersihkan longkang.

Pakar kaji cuaca akan terus menjejaki suhu dan angin Pasifik untuk tanda El Nino semakin menguat, dan sama ada ia akan mencapai tahap "super" yang jarang berlaku yang boleh memburukkan lagi keadaan cuaca melampau. - ©BERNAMA

KEJOHANAN LIGA FUTSAL U13 AR RAWDA BUKA TIRAI

Siaran Akhbar dan Foto : Ar Rawda Futsal Academy



PARA pemain Al-Mujaahidun FA semasa sesi bergambar ramai (atas). Manakala gambar kiri, aksi para pemain pada perlawanan berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 12 April. - Al - Mujaahidun FA membuka tirai Kejohanan Liga Futsal Bawah 13 Tahun (U13) Ar Rawda dengan menewaskan Panchor Murai FC dengan jaringan 4-1 di Dewan Serbaguna,

Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Menurut Ketua Jurulatih Al - Mujaahidun FA, Awang Muhamad Najib bin Daud, misi pasukan adalah sangat jelas, iaitu untuk bergelar juara dan kami tahu

persaingan sangat mencabar.

"Saya yakin pemain-pemain muda kami lebih bersedia dan mampu memberikan saingan sengit dalam setiap perlawanan," ujarnya.

Beliau turut menyatakan akan memperbaiki beberapa aspek formasi bagi memantapkan lagi pasukan menjelang perlawanan seterusnya.

Sementara itu Setiausaha kejohanan, Awang Rosdin bin Haji Abd. Aziz pula berharap pemain remaja bawah 13 tahun dapat merasai suasana kejohanan sebenar dalam usaha membentuk pembangunan futsal negara.

Jelasnya, menerusi kejohanan berkenaan, kita mahu melihat penampilan pemain akar umbi yang berpotensi dan berkualiti bagi melahirkan pelapis negara dalam sukan futsal.

Menurut beliau lagi, kejohanan berkenaan merupakan julung kali diadakan menggunakan format liga seperti Liga Futsal Brunei (BFL), sekali gus menjadi kebanggaan kepada pemain muda.

Kejohanan Liga Futsal U13 julung kali dianjurkan oleh Ar

Rawda Futsal Academy di bawah naungan Kasuka Ar Rawda dengan sokongan Jabatan Belia dan Sukan serta Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD).

Perlawanan yang bermula hari ini juga telah menyaksikan Dash Juniors menang tipis kepada Almerz FT dengan keputusan 1-0,

manakala Ar Rawda pula tewas kepada BSRC FC dengan jaringan 3-4.

Sebanyak enam pasukan menyertai kejohanan berkenaan, iaitu Dash Juniors, Almerz FC, Ar Rawda, BSRC FC, Al - Mujaahidun FA dan Panchor Murai FA yang akan meneruskan persaingan liga pada Ahad depan.

BSRC Football tumpaskan Wijaya FC



AKSI para pemain di antara BSRC Football menentang Wijaya FC yang berlangsung di Padang Kompleks Sukan Berakas.

Berita dan Foto : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan

BERAKAS, Sabtu, 11 April. - Saingan bola sepak tempatan, Liga Super Brunei diteruskan lagi malam tadi dengan menyaksikan pertembungan antara pasukan BSRC Football menentang pasukan Wijaya FC yang mengambil tempat di Padang Kompleks Sukan Berakas.

Perlawanan yang berkesudahan dengan kemenangan mutlak berpihak kepada BSRC Football apabila berjaya menundukkan Wijaya FC dengan keputusan yang cukup selesa, 3 - 0 sekali gus memberikan tiga mata penuh bagi BSRC Football dalam upaya pasukan tersebut mengukuhkan kedudukan di carta Liga Super Brunei yang telah memasuki minggu ke-10.

Jaringan pertama dihasilkan pada minit ke-16 separuh masa pertama perlawanan menerusi

ketua pasukan BSRC Football, Awang Mohammad Noorhisham Yakup yang menyumbat masuk bola di hadapan gawang pasukan Wijaya FC.

Sementara itu, pada minit ke-35 perlawanan sekali lagi Awang Mohammad Noorhisham Yakup berjaya menggandakan gol buat pasukan BSRC Football sekali gus menjadikan kedudukan kepada 2 - 0 menyebelahi BSRC Football.

Pasukan Wijaya FC cuba memberikan saingan dengan melakukan beberapa serangan ke atas kubu pertahanan BSRC Football namun gagal disudahi dengan baik dan keputusan 2 - 0 itu kekal sehingga pengadil perlawanan meniupkan wisel penamat separuh masa pertama.

Memasuki babak kedua perlawanan, Pasukan BSRC Football tidak menunggu lama

untuk melakukan serangan ke atas kubu pertahanan lawan dan kelalaian pertahanan Wijaya FC ternyata menyebabkan jaringan ketiga BSRC Football terhasil hanya kurang satu minit perlawanan bermula di babak kedua.

BSRC Football terus mencuba untuk menambah gol seterusnya dengan mengekalkan permainan yang agresif dan menekan permainan dengan lebih kerap namun keputusan 3 - 0 kekal sehinggalah pengadil perlawanan meniupkan wisel penamat di separuh masa kedua.

Dengan kekalahan tersebut, Wijaya FC terpaksa akur pulang tanpa membawa sebarang mata dan setakat ini hanya berjaya meraih 6 mata dari 10 perlawanannya.

Manakala BSRC Football kini berada di atas Wijaya FC dengan 9 mata keseluruhan setakat ini.

MS ABDB kongsi mata dengan Jerudong FC

Berita dan Foto : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan

BERAKAS, Sabtu, 11 April. - MS ABDB terpaksa akur meraih 1 mata dalam saingan Liga Super Brunei ketika menentang Jerudong FC yang berlangsung sengit di Padang Kompleks Sukan Berakas, baru-baru ini.

Kedua-dua pasukan mempamerkan permainan yang menarik pada babak pertama perlawanan dengan saling melakukan beberapa serangan balas ke kubu lawan.

Jerudong FC terlebih dahulu berjaya menerobos gawang MS ABDB pada minit ke-6 perlawanan menerusi Md Hafiy Firdaus Salleh yang menyalur jersi nombor 3 sekali gus mendahului perlawanan buat sementara waktu.

Kurang satu minit setelah itu, MS ABDB tidak menunggu lama untuk mencari jaringan penyamaan menerusi Mohd Hadif Aiman bin Haji Adanan menjadikan kedudukan kepada 1-1.

MS ABDB ternyata terlalu hebat buat Jerudong FC apabila berjaya menggandakan jaringan kepada 2-1 pada minit ke-24 menerusi Mohammad Ady Aiman bin Haji Noorajrin.

Menuju ke minit terakhir tambahan masa di babak pertama perlawanan, MS ABDB sekali lagi berjaya menjaringkan satu lagi gol sekali gus menjadikan kedudukan kepada 3-1 memasuki babak kedua perlawanan.

Dalam separuh masa kedua perlawanan, kedua-dua pasukan bermain dengan lebih berhati-hati dengan sesekali turut melakukan serangan berbahaya namun gagal disudahi dengan baik.

Jerudong FC hanya berjaya menjaringkan gol pada minit ke-73 menerusi Hafid Abdul menjadikan kedudukan kepada 3-2 dengan MS ABDB masih mendahului perlawanan.

Memasuki minit ke-76, Jerudong FC dihadiahkan sepakan penalti setelah pemainnya dijatuhkan dalam petak penalti dan berjaya menjaringkan gol penyamaan menerusi sepakan penalti tersebut menerusi Md. Nor Alifullah bin Haji Zaini.

Keputusan 3-3 kekal sehingga ke wisel penamat sekali gus memberikan kedua-dua pasukan 1 mata bagi perlawanan Liga Super Brunei yang memasuki minggu ke-10.



PERLAWANAN di antara MS ABDB menentang Jerudong FC pada Liga Super Brunei.



KEJOHANAN KARATE KETENGAHKAN KEMAHIRAN, BAKAT PESERTA



SERAMAI 59 jumlah peserta bertanding dalam Kejohanan Karate Sekolah Sukan 2026 yang telah mengambil tempat di Dewan Sekolah Sukan, Kampung Pulaie. Penganjuran kejohanan tersebut adalah sebagai satu platform untuk menentengahkan kemahiran dan bakat para peserta.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Ihsan Sekolah Sukan

BERAKAS, Ahad, 12 April. - Sekolah Sukan 2026 dengan kerjasama Brunei Shotokan Karate Association mengadakan Kejohanan Karate Sekolah Sukan 2026 bertempat di Dewan Sekolah Sukan, Kampung Pulaie. Hadir selaku tetamu kehormat, Pengetua

Sekolah Sukan, Awang Alexandar bin Bandang, yang turut menyampaikan hadiah kepada pemenang.

Penyampaian pingat kepada pemenang-pemenang juga disampaikan oleh Timbalan Pengetua Sukan, Sekolah Sukan, Awang Haji Md. Azrin bin Haji Aji.

Sebanyak 28 kategori dipertandingkan pada kejohanan ini yang melibatkan

seramai 59 jumlah peserta yang bertanding.

Acara diakhiri dengan bergambar ramai bersama tetamu kehormat dan ahli jawatankuasa kejohanan.

Antara matlamat kejohanan adalah untuk menyokong Persekutuan Karate Brunei Darussalam (BRUKAF) dalam perkembangan sukan karate dengan

memberikan peluang untuk bersaing secara sehat.

Di samping itu untuk mengeratkan silaturahim di antara para peserta yang bertanding, selain itu, penganjurannya juga sebagai satu platform untuk menentengahkan kemahiran dan bakat para peserta sekali gus berkongsi pengetahuan antara satu sama lain.

Piala Thomas : Zii Jia mampu suntik semangat skuad negara di Horsens - Rashid

KUALA LUMPUR, 12 April. - Legenda badminton negara Datuk Rashid Sidek yakin pemain perseorangan lelaki profesional Lee Zii Jia mampu menyuntik moral barisan pemain badminton Malaysia pada Piala Thomas 2026 di Horsens, Denmark yang dijadualkan berlangsung 24 April hingga 3 Mei ini.

Rashid berkata biarpun dibelenggu prestasi kurang memuaskan selepas pulih daripada kecederaan sebelum ini, Zii Jia masih mempunyai pengaruh besar dan memegang status sebagai seorang pemain ternama di pentas dunia termasuk menjuarai Seluruh England 2021 di Birmingham.

"Kehadiran Zii Jia sedikit sebanyak boleh menguatkan lagi pasukan dan meningkatkan semangat mereka. Sebelum ini, pemain selain daripada Zii Jia jika disenaraikan tiada nama (pengaruh) dan standard pun jauh.

"Pemain yang ada nama mampu memberi pengaruh besar dalam acara berpasukan. Jika pemain kurang ternama, penyertaan mereka hanya cukup syarat.

Dengan adanya Zii Jia, peluang menang (perlawanan) memang ada," katanya kepada Bernama.

Pemain berusia 28 tahun itu bergelut dengan kecederaan sejak mengalami masalah buku lali pada Final Jelajah Dunia Disember 2024, sebelum kembali beraksi pada Masters Orleans dan Seluruh England pada Mac tahun lepas.

Dengan kecederaan buku lali yang masih belum pulih sepenuhnya, pemenang pingat gangsa Sukan Olimpik 2024 itu terpaksa berehat sekali lagi sebelum kembali ke gelanggang pada Kejohanan Dunia di Paris, Ogos lepas.

Pada September, beliau beraksi pada Terbuka Hong Kong sebelum menarik diri pada pusingan pertama Masters China akibat kecederaan belakang.

Susulan daripada itu, pemain kelahiran Kedah berkenaan membuat keputusan untuk berehat sepenuhnya bagi memberi tumpuan kepada pemulihan.

Sejak kembali beraksi bermula dengan Terbuka Malaysia 2026 pada Januari lepas,

Zii Jia hanya mara ke suku akhir dua kali, iaitu Masters Thailand 2026 (Januari) dan Terbuka Swiss 2026 di Basel, Switzerland (Mac) daripada keseluruhan enam kejohanan disertainya tahun ini.

Rashid pada masa sama berkata pemain *ranking* ke-83 dunia ketika ini mungkin lebih sesuai diturunkan selaku pemain perseorangan ketiga berdasarkan prestasi semasanya.

Beliau berkata percaturan meletakkan Zii Jia selaku pemain perseorangan ketiga juga berpotensi menguatkan cabaran negara dalam mencari mata kemenangan pada kejohanan badminton berpasukan berprestij dunia itu.

"Buat masa sekarang, kalau Zii Jia diletakkan sebagai perseorangan ketiga, kita ada pemain yang kuat dan boleh bersaing dengan pemain negara lain.

"Zii Jia adalah pemain ternama dan pernah juara Seluruh England tetapi yang paling penting adalah tahap kecergasan semasa. Sama ada beliau benar-benar bersedia untuk menggalas tugas sebagai

perseorangan ketiga masih menjadi tanda tanya," katanya.

Justeru, pemenang pingat gangsa perseorangan lelaki Sukan Olimpik 1996 itu berharap agar juara Kejohanan Badminton Asia 2022 berkenaan mampu meningkatkan tahap kecergasan dan memikul tanggungjawab sebaik mungkin sekiranya diberikan kepercayaan beraksi di Horsens kelak.

Selain Zii Jia, Persatuan Badminton Malaysia (BAM) semalam mengumumkan tiga lagi pemain yang bakal dipertaruhkan membarisi kem perseorangan negara, iaitu Leong Jun Hao, Justin Hoh dan Aidil Sholeh Ali Sadikin.

Bagi acara beregu lelaki, cabaran negara diterajui pasangan nombor dua dunia Aaron Chia-Soh Wooi Yik selain Man Wei Chong-Tee Kai Wun serta gandingan profesional Goh Sze Fei-Nur Izzuddin Mohd. Rumsani.

Skuad lelaki kebangsaan diundi dalam Kumpulan B bersama Jepun, England dan Finland. - ©BERNAMA

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

PENTINGNYA KEMAHIRAN EMPATI DALAM MENJAYAKAN HUBUNGAN SESAMA MANUSIA